

Jilid IV
Bil. 2



Hari Rabu
22hb Mac, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 153]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 191]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- „ Menteri Undang-undang, **DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- „ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, **TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**
- „ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,
DATUK HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
DATO SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Mengelembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).

- Yang Berhormat TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ DATUK MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).

- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- .. DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- .. RAJA DATO' NASRON BIN ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- .. TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- .. TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- .. TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- .. TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- .. TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- .. DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- .. TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- .. TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- .. DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- .. TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- .. TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 22hb Mac, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERA-
JAAN KOMANWEL DI SYDNEY**

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah keputusan positif yang telah dicapai oleh Malaysia di dalam Persidangan Serantau Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Sydney; dan
- (b) dalam cara apakah lawatan beliau dan juga perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan Australia telah membantu membetulkanimbangan perdagangan di antara Malaysia dan Australia.

Perdana Menteri (Datuk Hussein Onn):

Tuan Yang di-Pertua, persidangan yang telah berlangsung di Sydney, Australia pada pertengahan bulan Februari itu merupakan persidangan yang pertama diadakan di antara Ketua-ketua Kerajaan Komanwel Rantau Asia dan Pacific. Persidangan itu telah memberi peluang kepada Ketua-ketua Kerajaan yang hadir untuk berbincang dan bertukar fikiran mengenai perkara-perkara kepentingan bersama dalam keadaan ramah mesra. Persidangan itu telah dapat mengujudkan kesedaran dan persefahaman tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara serantau ini dan juga merapatkan lagi hubungan yang erat yang sedia terjalin di antara negara-negara Komanwel serantau.

Di antara persetujuan-persetujuan yang telah dicapai di dalam persidangan itu ialah:

- (1) Menyokong konsep penubuhan organisasi serantau seperti ASEAN untuk mengujudkan kerjasama yang berfaedah dalam pembangunan ekonomi dan sosial serantau;
- (2) Menerima laporan dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh kumpulan Teknik Komanwel mengenai Tabung Bersama dan mengesyorkan supaya diadakan satu mesyuarat khas Menteri-menteri Komanwel bagi membincangkan laporan itu. Mesyuarat dijadual akan dilangsungkan di London pada bulan April ini. Adalah diharapkan mesyuarat tersebut akan dapat menyegerakan proses penubuhan Tabung Bersama itu;
- (3) Menubuhkan Kumpulan Perundingan Komanwel mengenai perdagangan. Tugas kumpulan ini ialah untuk memudahkan peraturan-peraturan perdagangan dalam rantau iaitu intra-regional untuk mengurangkan halangan perdagangan (tariff barriers) dan memudahkan perdagangan di rantau ini dan juga perdagangan dengan negara-negara maju seperti Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.), Amerika Utara dan Jepun. Australia telah dilantik sebagai penyelaras kumpulan ini;
- (4) Menubuhkan satu Kumpulan Perundingan mengenai tenaga yang bertujuan menentukan masalah tenaga di beberapa negara dan perkembangan sumber tenaga yang lain serta memudahkan perkembangan berkenaan dengan tenaga. India adalah penyelaras kumpulan ini;
- (5) Menubuhkan satu kumpulan mengenai terrorisme yang akan mengkaji cara-cara bagaimana negara-negara serantau ini boleh meluaskan kerjasama bukan

sahaja antara negara-negara serantau ini tetapi juga antara negara-negara lain untuk menentang masalah terrorisme itu. Singapura adalah penyelaras bagi kumpulan ini;

- (6) Menubuhkan kumpulan berkenaan dengan pengedaran dadah secara haram. Tujuan kumpulan ini ialah untuk mengkaji kemungkinan merapatkan kerjasama serantau untuk menentang pengedaran dadah secara haram. Malaysia adalah penyelaras kumpulan ini;
- (7) Bersetuju supaya Setiausaha Agung Komanwel membuat cadangan bagi mengadakan acara Komanwel untuk membantu negara-negara kecil di kawasan Pacific. Cadangan-cadangan ini akan dikaji oleh Mesyuarat Pegawai Kanan Komanwel yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada hujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya sebutkan tadi Persidangan Sydney bolehlah dikatakan telah menghasilkan beberapa cadangan-cadangan positif. Ia juga telah menunjukkan betapa mustahaknya perundingan serantau untuk menambahkan lagi persefahaman dan kerjasama serantau.

Berkenaan dengan soal (b), saya telahpun memberikan jawapannya tatkala menjawab soalan yang serupa daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit kelmarin.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri samada Persidangan Serantau Ketua-ketua Kerajaan Komanwel yang diadakan di Sydney ada membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di negara-negara Komanwel. Jika ada, apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat.

Perdana Menteri: Tidak ada.

PERSIDANGAN SERANTAU KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI SYDNEY

2. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan keputusan Persidangan Serantau Ketua-ketua Kerajaan Komanwel di Sydney berkenaan dengan masalah-masalah ekonomi khususnya menekankan perkara ekonomi dan fungsi kerjasama.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama maksudnya dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah saya jawab sebentar tadi.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DI AUSTRALIA

3. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh beliau di Mesyuarat Serantau Ketua-ketua Kerajaan negara-negara Komanwel di Australia baharu-baharu ini dalam usaha hendak meningkatkan pembangunan dan keamanan serantau.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama juga maksudnya dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah saya jawab tadi.

UGUTAN COLEK TERHADAP PERDANA MENTERI

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada terdapat apa-apa "basis" yang betul-betul benar tentang ugutan colek daripada sebuah pertubuhan bernama Liga Pembebasan Malaysia, samada pertubuhan ini berpusat di seberang laut atau di sini dan samada negara tetamu sedar akan ugutan colek ini dan adakah mereka memberi perlindungan untuk keselamatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada pagi 19hb Februari, 1978, sewaktu saya berada di Sydney, dan sedang bersiap-siap untuk meneruskan lawatan ke Melbourne, saya telah diberitahu oleh pihak berkuasa Australia bahawa mengikut punca yang mereka percayai ada ugutan untuk mencolek saya. Ugutan itu adalah dari sebuah pertubuhan yang dinamakan Malaysia Freedom League (M.F.L.).

Kerajaan Australia telah mengaturkan kawalan keselamatan yang sangat rapi dan memuaskan bagi saya. Walau bagaimanapun, dengan hasrat tidak mahu menyusahkan pihak Kerajaan Australia lagi saya telah mengambil keputusan untuk membatalkan lawatan saya ke Melbourne dan terus pulang ke Malaysia pada hari itu juga.

Berhubung dengan Pertubuhan Malaysian Freedom League, ianya tidak ada di dalam rekod pihak Keselamatan kita. Apabila disiasat tidak terdapat apa-apa butir mengenai-nya. Oleh itu, tidaklah dapat ditentukan samada pertubuhan Malaysian Freedom League itu berpusat di sini atau di seberang laut.

Mengikut Cawangan Khas Polis Sydney, pada pagi 19hb Februari, 1978 seorang yang bekerja dengan akhbar *Sydney Herald* telah menerima satu panggilan talipon dari seorang yang tidak dikenalnya (anonymous) pada jam 9.05 pagi. Maklumat yang diberi oleh orang itu kepada Polis Sydney adalah seperti berikut:

- (a) Orang yang menalipon yang tidak memberi namanya telah memberitahu bahawa seramai 16 orang akan pergi ke Melbourne pada hari itu untuk cuba mencolek saya setiba saya di lapangan-terbang Tullamarine, Melbourne pada jam 1.30 tengah hari itu.
- (b) Orang yang menalipon itu juga menyatakan bahawa pada 14hb Februari, antara empat dan tujuh orang lain telah tiba di Sydney dari Malaysia untuk menyertai 16 orang yang lain itu di dalam usaha mencolek saya.
- (c) Menurut orang yang menalipon itu lagi pencolek-pencolek itu adalah dari sebuah pertubuhan bernama, sebagaimana saya telah terangkan tadi Liga Pembebasan Malaysia (Malaysian Freedom League). Orang itu menyatakan bahawa ia sangat-sangat bimbang di atas perkara itu dan tidak mahu terlibat dengan pencolek-pencolek itu.

Pada jam 9.30 pagi itu juga orang yang menerima panggilan talipon itu telah menghubungi Cawangan Khas Polis Sydney melaporkan perkara tersebut. Laporan itu seterusnya telah disampaikan kepada saya. Ketika itu saya serta rombongan sedang bersiap-siap untuk berlepas dari Hotel Hilton ke lapanganterbang Sydney untuk penerbangan ke Melbourne.

Dalam pada itu pihak berkuasa Australia di Sydney berusaha untuk membawa saya serta sebahagian rombongan saya ke Melbourne dengan pesawat Tentera Udara Di Raja Australia. Kawalan keselamatan yang lebih rapi telahpun diaturkan di

Sydney dan Melbourne untuk memberi kawalan keselamatan yang seketat-ketatnya kepada saya.

Walau bagaimanapun, saya dengan hasrat tidak mahu menyusahkan pihak Kerajaan Australia lagi, telah mengambil keputusan untuk membatalkan lawatan saya ke Melbourne dan sebaliknya terus pulang ke Malaysia hari itu juga.

Maklumat yang diberitahu secara "anonymous" mengenai ugutan mencolek saya itu amatlah sukar untuk disiasat dan dipastikan. Walau bagaimanapun, ugutan seperti ini tidaklah boleh direngankan, kerana sebelum dari itu kejadian letupan bom telah berlaku di sekitar Hotel Hilton, Sydney pada 12hb Februari.

Oleh kerana butir-butir lanjut mengenai pertubuhan yang dinamakan Liga Pembebasan Malaysia itu tidak ada, maka tidak dapatlah pihak kita mengesan pertubuhan tersebut. Sekiranya maklumat mengenai M.F.L. itu benar, maka ada kemungkinan pertubuhan yang dimaksudkan itu adalah Liga Pembebasan Rakyat Malaya atau Malayan Peoples Liberation League (M.P.L.L.). Kita mempunyai maklumat bahawa M.P.L.L. adalah sebuah pertubuhan bawahtanah (underground) Parti Komunis Malaya/Marxist-Leninist yang sangat ganas. Pihak berkuasa pasukan keselamatan Australia sebenarnya telahpun diberitahu terlebih dahulu berkenaan M.P.L.L. supaya lawatan saya itu dapat dikawal dengan rapi.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Adakah Yang Amat Berhormat mendapat apa-apa pengetahuan tentang adanya segolongan pelajar kita di sana mengambil bahagian sama?

Perdana Menteri: Tidak.

GURU-GURU BERPOLITIK

5. Tuan Mustafa bin Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah bilangan guru-guru yang diberi kebenaran berpolitik; dan
- (b) adakah Kerajaan telah memberi arahan kepada guru-guru yang tidak mendapat kebenaran berpolitik supaya meletak jawatan mereka dalam parti politik.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini Kementerian Pelajaran telah meluluskan seramai 37 orang guru untuk mengambil bahagian cergas dalam bidang politik.
- (b) Tiap-tiap seorang guru adalah dijangka memahami peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Perintah Am (General Orders). Oleh itu, jika sekiranya ada di antara mereka yang tidak mematuhi peraturan-peraturan seperti mendapatkan kebenaran untuk mengambil bahagian cergas di dalam bidang politik, maka tindakan sewajarnya akan diambil terhadapnya mengikut Perintah Am Bab D, 1969.

Tuan Mustafa bin Ali: Adakah pihak Kementerian yang berkenaan itu telah menghantar surat meminta maklumat daripada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri tentang guru-guru yang memegang peranan-peranan penting dalam parti-parti politik supaya senang arahan itu dapat diberikan oleh pihak Kementerian.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab dalam bahagian (b) tadi iaitu tiap-tiap seorang guru adalah dijangka memahami peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Perintah Am.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi bahawa satu tindakan yang sewajarnya akan diambil apabila didapati seorang guru itu melanggar Perintah-perintah Am. Saya ingin mengetahui yang pertama apakah yang dimaksudkan tindakan sewajarnya yang akan diambil ataupun yang telah diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Kedua, seseorang yang tidak mendapat kebenaran berpolitik daripada kalangan guru itu apabila diberitahu kepada Kementerian yang berkenaan ataupun Jabatan yang berkenaan adakah pemberitahuan yang seperti itu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan tindakan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah diterangkan iaitu mengikut

Peraturan Perintah Am (General Orders), tetapi terserah kepada Timbalan Menteri kalau ada hendak tambah lagi.

Dato Chan Siang Sun: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua, kalau ada sesiapa yang memberitahu mengatakannya guru mengambil peranan politik yang cergas dengan tidak ada kebenaran, adakah diambil tindakan oleh Kementerian. Perkara itu sudah dijawab sebahagiannya tadi.

Dato' Chan Siang Sun: Ya.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian beliau itu tahu di beberapa tempat sekolah-sekolah ada digunakan oleh parti-parti politik khususnya daripada Barisan Nasional. Kalau ada apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang asal ialah soal guru, tidak mengenai bangunan sekolah.

Dr Chen Man Hin: Ini adalah soal sekolah dan politik, serupa juga ada hubungan.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak tahu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah guru-guru memohon untuk mengambil bahagian dalam politik?

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bila ada permohonan datang ke Kementerian saya, kita akan proseskan dengan tidak berlengah-lengah.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Tadi beliau mengatakan beliau tidak tahu, di sini saya beri satu contoh iaitu Sekolah Chembong di Negeri Sembilan iaitu Sekolah Chembong Tamil di Chembong Esttet di mana guru-guru MIC ada menggunakan sekolah itu. Kalau ada apakah tindakan yang Kementerian ambil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dia tidak tahu, sekarang diberitahu dan nanti beliau akan mengambil tindakan.

Tuan Mustapha bin Ali: Soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan itu sedar bahawa ada terdapat setengah Guru-guru Besar telah memanggil guru-guru yang menganggotai parti-parti politik di luar daripada Barisan Nasional dan memberi amaran kepada mereka ini supaya jangan bergerak cergas. Tetapi sebaliknya guru-guru yang bergerak cergas di dalam parti Barisan Nasional tidak pernah diberikan amaran. Jika sedar, adakah pihak Kementerian akan mengambil suatu tindakan kepada Guru Besar yang demikian itu oleh kerana diskriminasi yang dilakukan oleh mereka ini.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi mengatakan sekiranya ada pemohon-pemohon untuk mendapat kebenaran berpolitik ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah di antara syarat-syarat yang membolehkan seseorang guru itu mendapat kebenaran berpolitik?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab boleh, tidak payah jawab pun boleh.

Dato Chan Siang Sun: Tidak.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak perkara nampaknya Timbalan Menteri tidak sedar, bagaimana caranya untuk menyedarkan beliau, tolong beritahu. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Beritahu Yang Berhormat Timbalan Menteri itu nanti dia sedar.

RUKUN TETANGGA

6. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Haji Abdullah bertanya kepada Perdana Menteri:

(a) berapa banyak absentee Rukun Tetangga sejak ia ditubuhkan dan apakah hukuman-hukuman yang dikenakan atau berapa jumlah wang denda

yang dipungut dan kawasan manakah yang paling banyak sekali kaki ponteng rondaan Rukun Tetangga; dan

(b) adakah Kerajaan sedar bahawa ada tempat-tempat Rukun Tetangga ini tidak begitu diminati dan sehingga terpaksa ditutup Pos Rukun Tetangga itu, kiranya ada, tolong terangkan di manakah perkara ini berlaku dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masaalah ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, sambutan kepada Rukun Tetangga adalah menggalakan dan kebanyakannya berkhidmat dengan perasaan ikhlas dan penuh tanggungjawab kerana kasihkan negara dan masyarakat serta cintakan keamanan sehingga buat masa ini hampir 500 sektor telah dapat ditubuhkan di seluruh negara dan lebih 500,000 orang yang terlibat dalam gerakan pengawalan Rukun Tetangga ini.

Memandangkan perkara ini perkara ikhlas dan sukarela, sudah tentulah ianya belum lagi dapat berjalan dengan lancarnya.

Pada keseluruhannya peratusan yang tidak hadir bertugas di sektor-sektor adalah berbeza di antara satu sektor dengan sektor yang lain iaitu di antara 10 peratus hingga 70 peratus. Walau bagaimanapun, peratus keseluruhannya kadar tidak hadir bertugas ialah di antara 40 peratus hingga 50 peratus sahaja.

Sehingga hari ini jumlah mereka yang engkar menjalankan tugas-tugas Rukun Tetangga dan yang telah didakwa serta dijatuhkan hukuman di Mahkamah-mahkamah ialah sebanyak 68 orang sahaja. Jumlah denda yang dikenakan oleh Mahkamah ke atas mereka berjumlah \$5,610.

Kerajaan sememangnya sedar bahawa terdapat beberapa Pusat Kawalan Rukun Tetangga (Pondok-pondok Rukun Tetangga) yang telah ditutup. Sektor-sektor itu adalah seperti berikut:

- (1) *Wilayah Persekutuan*
 - (a) Sektor Kg. Cheras Baru
 - (b) Sektor Chan Sow Lin
 - (c) Sektor Taman City

(2) *Kedah*

- (a) Sektor Telok Wan Jah, Alor Setar
- (b) Sektor Akar Peluru, Alor Setar

(3) *Kelantan*

- (a) Sektor Limau Manis, Kota Bharu.

Kerajaan sedang mengambil tindakan bagi mengatasi perkara tersebut antara lain dengan:

- (i) Mengadakan perlantikan Jawatankuasa baharu;
- (ii) Memenuhi semua jawatan pegawai dan kakitangan Urusetia Rukun Tetangga di semua peringkat (Pusat/Negeri/Daerah) dengan seberapa segera;
- (iii) Mengadakan kursus-kursus untuk melatih semua pihak yang terlibat dalam jentera Rukun Tetangga di sektor-sektor;
- (iv) Mempereratkan perhubungan dan kerjasama dengan pihak Polis bagi menambahkan lagi kelicinan penguatkuasaan dan pelaksanaan Sekim-sekim Rukun Tetangga.

LAPURAN JAWATANKUASA KABINET

7. **Dr Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan berapa perwakilan tentang anomali telah diterima dari kesatuan-kesatuan sekerja sektor Awam yang timbul akibat pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Laporan Suruhanjaya-suruhanjaya yang lain; nyatakan jumlah dari perwakilan-perwakilan ini yang telah dirujuk kepada Tribunal Perkhidmatan Awam dan beberapa tahun yang akan diambil oleh Tribunal untuk menyelesaikan semua anomali-anomali.

Timbalan Perdana Menteri (Dato' Sri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga 10hb Mac, 1978 memorandum berkenaan dengan anomali yang telah diterima oleh Bahagian Perundingan Jabatan Perkhidmatan Awam dari Kesatuan-kesatuan Sekerja Sektor Awam yang timbul akibat pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet dan Laporan Suruhanjaya-suruhanjaya yang terdahulu daripadanya adalah sebanyak 28.

Anomali tersebut itu belum ada lagi yang dirujuk kepada Tribunal Perkhidmatan Awam oleh sebab perundingan-perundingan

di antara Kesatuan-kesatuan yang berkenaan dengan Kerajaan belum lagi selesai.

Tiada had masa yang tertentu ditetapkan untuk Tribunal Perkhidmatan Awam menyelesaikan semua anomali-anomali ini.

HAD LAJU KENDERAAN

8. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah Kementerian beliau bercadang mengadakan suatu penyiasatan dan kajian supaya had laju kenderaan akan dipatuhi oleh pemandu-pemandu.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 bagi pemandu-pemandu memandu kenderaan melebihi had laju yang ditetapkan. Pihak Polis adalah sentiasa mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan yang tidak mematuhi had laju yang ditetapkan itu. Selain daripada itu pegawai-pegawai daripada Bahagian Pengurusan dan Ikhtisas juga adalah diminta bekerjasama memberi laporan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan jika mereka mendapati kenderaan-kenderaan perdagangan yang tidak mematuhi had laju yang ditetapkan.

Kementerian saya tidak bercadang hendak mengadakan penyiasatan dan kajian mengenai hal ini kerana Undang-undang sekarang adalah mencukupi bagi pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan yang melanggar Undang-undang.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan had laju yang ditetapkan. Yang pertama, apa yang kita dapati ialah had laju yang ditanda di kawasan-kawasan yang tertentu. Yang kedua ialah had laju yang tertulis di kenderaan-kenderaan yang tertentu. Kalau mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tadi termasuk maksud had laju yang tertulis di kenderaan-kenderaan yang tertentu, maka ini adalah satu perkara yang menjadi lumrah di mana-mana terdapat had laju yang ditulis, umpamanya, 5 b.s.j. tetapi

lori-lori ini lari sampai 50 b.s.j. dan kadangkadangkang 60 b.s.j.. Maka apakah tindakan-tindakan yang boleh mengurangkan, saya tidak kata untuk menghapuskan tetapi mengurangkan perkara ini yang lumrah di mana-mana terdapat di jalanraya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan had laju kenderaan, Kementerian saya sedar bahawa terdapat beberapa had laju yang dianggap tidak berapa realistic dan satu kajian supaya mengupdatekan had laju kenderaan sedang dijalankan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Selain daripada Pasukan Polis Lalulintas yang mengawasi jalanraya ini, adakah Pegawai Penguatkuasa di Kementerian yang berkenaan mengawasi kelajuan kenderaan yang begitu berleluasa lajunya di jalan-jalanraya. Keduanya, Pegawai Ikhtisas yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adakah mendapat kejayaan yang cemerlang daripada siasatan Kementerian ini.

Dr Goh Chong Teik: Tuan Yang di-Pertua, Pegawai-pegawai Kementerian dan Pegawai-pegawai Kerajaan lain memberi laporan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan secara sukarela, akan tetapi response daripada mereka pada masa ini tidak berapa menggalakkan. Walau bagaimanapun, pihak yang berkenaan telah merayu pegawai-pegawai yang berkenaan supaya memberi perhatian lebih terhadap perkara ini.

Raja Dato Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan di dalam satu daripada jawapannya bahawa had laju yang dikenakan kepada lori-lori sekarang yang tertulis pada lori-lori itu adalah unrealistic ataupun tidak menasabah. Adakah ini bermakna bahawa Undang-undang yang dijalankan sehingga hari ini adalah Undang-undang yang tidak realistic pada segi kaca mata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, had laju kenderaan telah ditetapkan beberapa tahun yang lalu dan Kementerian saya

telah mendapati rayuan daripada pihak pengusaha-pengusaha pengangkutan supaya kami mengkaji semula had laju yang dilaksanakan. Jadi Kementerian saya sekarang membuat kajian semula.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi sampai dikaji semula tidak realistic!

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud untuk menambahkan lagi had laju kenderaan itu ataupun mengurangkan lagi had laju kenderaan itu apabila beliau menyatakan bahawa had laju yang dikenakan sekarang ini tidak realistic. Saya suka hendak bertanya samada yang dimaksudkan hendak tambahkan, maknanya sekarang ini mungkin 30 b.s.j. adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bermaksud hendak menambahkannya sehingga 50 b.s.j. umpamanya ataupun hendak mengurangkannya daripada 30 kepada 25 b.s.j.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, had laju yang saya maksudkan ialah had laju kenderaan dan pihak yang merayu kepada Kementerian merasa bahawa had laju tersebut yang ditulis pada kenderaan terlalu rendah, itulah pendapat mereka dan Kementerian saya sekarang kaji semula kedudukan ini.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, had laju yang ada sekarang ini tidak realistic dan lori-lori yang berkenaan lari lebih daripada had. Adakah sementara kajian itu dijalankan sekarang maka oleh kerana ianya tidak realistic, sebarang tindakan Undang-undang tidak akan diambil walaupun lajunya sampai kepada 60 b.s.j.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Undang-undang dipinda, pelaksanaan (enforcement) dijalankan seperti biasa dan terhadap sesiapa yang melanggar Undang-undang yang ada sekarang tentulah tindakan yang sewajarnya diambil.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, had laju yang dikatakan tidak realistic itu, perkataan "realistic" itu adakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri seorang ataupun pendapat Menteriannya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya tidak berapa jelas dalam penerangan saya tadi. Apa yang saya maksudkan ialah pihak yang memohon kepada Kementerian berpendapat bahawa had laju kenderaan sekarang tidak berapa realistic dan oleh yang demikian Kementerian saya mengkaji semula kedudukannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya pun pada mulanya memikirkan Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak realistic.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan atas had laju. Kita semua sedar jalan-jalan yang ada lebih kurang 20 tahun yang lalu yang mana kita tentukan had laju itu untuk 30 b.s.j. sahaja tetapi jalan yang ada sekarang ialah jalanraya yang mana jalan itu besar dan panjang, sebab itu baru tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan beliau akan mengkaji. Bolehkah kita dapat satu masa yang tertentu bilakah kajian itu boleh siap sebelum kita dapat satu-satu kemalangan. Kajian itu tiap-tiap kali saya dengar sahaja dalam Dewan ini kita akan mengkaji-mengkaji (*Ketawa*) tetapi tidak dapat satu keputusan sebab saya seorang pemandu saya cuba hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah kita tahu dalam Dewan ini adakah satu tarikh yang tertentu kita boleh dapat keterangan atas kajian itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, malangnya saya tidak terima langsung apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput bahawa Kementerian saya sentiasa mengkaji dan mengkaji dan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya. Sebenarnya had laju perlu dikaji dari semasa ke semasa. Misalnya, sekarang Kementerian saya telah selesai kajian berkenaan dengan jalan-jalanraya K.L.-Petaling Jaya; K.L.-Seremban; K.L.-Karak dan Slim River dan sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput sedia maklum, satu keputusan telahpun diambil dan keputusan inipun telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang—ini yang akhir. Cukuplah fasal had laju ini!

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan had laju kenderaan ini apa yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian yang berkenaan pada keseluruhannya tidak diikuti oleh kenderaan-kenderaan yang selalu menjadi sungutan daripada orang ramai dan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut kemungkinan akan ditambah had laju daripada yang ada sekarang dan kemungkinan juga akan tidak diikuti oleh kenderaan-kenderaan sepertimana yang ada sekarang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya enjin-enjin kenderaan yang telah ditetapkan had lajunya hendak dikunci kelajuannya di enjin kenderaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak dikunci supaya kalau memotong pun tidak boleh lebih daripada itu. Jadi tidak dapat memotong, memotong orang naik basikal sahajalah. (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara teknik saya perlu meminta nasihat daripada engineer terlebih dahulu.

SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA

9. **Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada benar bahawa dalam pertukaran atas hak-hak pendaratan di London, Sistem Penerbangan Malaysia dikehendaki membayar kepada Syarikat Penerbangan British (British Airways) satu perenam daripada jumlah pendapatan yang diterima sebagai untung dari penerbangan dari Australia ke United Kingdom, yang dianggarkan sebanyak \$4.5 juta tiap-tiap tahun, selain daripada memberi Syarikat Penerbangan British membuat satu penerbangan tambahan tiap-tiap minggu melalui Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, dalam penukaran hak-hak pendaratan di London kapal terbang MAS jenis DC-10, satu perjanjian perdagangan telah ditandatangani di antara MAS dengan British Airways. Menurut perjanjian itu 1/6 daripada hasil yang diperolehi bagi penumpang-penumpang dan cargo dari Australia ke London perlu dibayar oleh MAS kepada

British Airways. Bayaran itu dijangka berjumlah sebanyak \$4 juta setahun. Demikian juga di bawah perjanjian udara di antara Malaysia dan United Kingdom yang berkuatkuasa sekarang British Airways berhak mengadakan penerbangan tambahan melalui Kuala Lumpur.

Datuk Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adalah memeranjatkan. Adakah ikhtiar-ikhtiar dijalankan supaya perjanjian tak berimbangan ini dapat diperelokkan dengan dapat menjamin bahawa penerbangan Malaysia pula diberi layanan seumpama itu dan diberi kemudahan di sana.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak Malaysia memanglah berhajat benar sekiranya perimbangan dapat diberi oleh pihak British Airways ataupun United Kingdom dalam masalah pendaratan kapalterbang MAS di London dan British Airways ke Kuala Lumpur atau seumpamanya dan perundingan-perundingan juga sedang diuruskan bagi mencari jalan supaya suatu penyelesaian yang adil dapat dibuat di antara kedua-dua syarikat penerbangan itu.

Raja Dato Naron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, adakah syarat yang dikenakan oleh Syarikat Penerbangan British kepada Sistem Penerbangan Malaysia iaitu bayaran 1/6 daripada jumlah pendapatannya hanya dikenakan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia sahaja ataupun kepada syarikat-syarikat penerbangan negara-negara yang lain yang berkehendakkan facility yang sama.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapatlah menjawab dengan secara tepat tetapi pada amalan kebiasaan perjanjian udara yang melibatkan keadaan seperti MAS dan British Airways ini, yakni penerbangan-penerbangan yang di luar daripada hak bagi sesuatu syarikat penerbangan itu membolehkan membawa penumpang dari satu destinasi kepada satu destinasi secara reciprocate, maka biasanya syarikat-syarikat penerbangan yang seperti itu juga dikenakan pembayaran-pembayaran di bawah commercial agreement seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Menjawab soalan ini menjadi tambah panjang.

Tuan Lee Boon Peng: Soalan tambahan. Adakah benar oleh kerana hak-hak pendaratan DC-10 di London lain airline Cathay Pacific, juga mendapat satu cargo service lebih seminggu ke Kuala Lumpur dan juga boleh dapat satu through service daripada Hongkong ke Bahrein melalui Kuala Lumpur di dalam surat perjanjian Cathay Pacific.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi soalan kedua ini tidak payah dijawab, tidak ada hubungannya, tetapi soalan yang pertama itu boleh.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, memanglah dalam perjanjian baru yakni dalam perjanjian bagi membolehkan pendaratan DC-10 daripada Malaysia ke London maka pihak British juga mengkehendaki supaya pihak C.P.A. diberi tambahan pendaratan untuk membawa cargo daripada Hongkong ke Kuala Lumpur.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi nampaknya perjanjian yang ada sekarang antara Syarikat Penerbangan British dengan Syarikat Penerbangan Malaysia ini lebih menguntungkan kepada pihak British. Dalam hubungan ini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula perjanjian yang ada sekarang ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya jawab tadi memanglah pihak Malaysia atau pihak Kementerian ini sedang meminta supaya perjanjian itu dikaji dari satu masa ke satu masa.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telahpun menceritakan keadaan yang amat sedih berkenaan dengan keadaan kurang perimbangan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang untuk membawa keadaan yang kurang memuaskan ini di dalam perbincangan negara kita dengan Kerajaan British bersabit dengan kebenaran kapalterbang Concorde hendak menggunakan wilayah negara kita supaya satu package deal dapat diputuskan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Perhubungan tidaklah memikirkan seumpama itu kerana masaalah perjanjian pendaratan ini tidaklah dihubungkan dengan kebenaran Concorde.

MENARIK BALIK SOALAN No. 10

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya menarik balik soalan No. 10 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan, kalau sudah dipanggil nama, tidak boleh ditarik balik lagi. Kalau hendak tarik balik sebelum itu.

(Soalan No. 10 Ditarik Balik)

PASPOT PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA

10. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah kejadian merampas paspot-paspot kepunyaan bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India dan keluarganya oleh pegawai-pegawai Wisma Putra pada akhir bulan Januari yang lalu di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, ini boleh mendatang dan menjejaskan gambaran yang buruk terhadap peribadi seorang wakil negara ini sendiri dan akan menjatuhkan maruah negara walhal ada cara-cara yang lain yang lebih bijak dan berkesan untuk menarik balik paspot-paspot itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Baling itu, sukacita saya menyatakan bahawa kejadian yang berlaku di Lapanganterbang Antarabangsa Subang pada akhir bulan Januari itu bukanlah sebenarnya merampas paspot-paspot bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India dan keluarganya.

Sebagaimana amalan biasa pegawai-pegawai Wisma Putra membantu menguruskan paspot-paspot orang-orang kenamaan, VIP di Lapanganterbang Antarabangsa

Subang. Dalam kes ini, paspot-paspot diplomatik kepunyaan bekas Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India dan keluarganya adalah dikehendaki oleh Kementerian saya untuk urusan pentadbiran selanjutnya dan paspot-paspot itu tidaklah perlu dikembalikan kepada beliau dengan serta-merta. Saya sifatkan perkara ini timbulnya daripada salah faham dan kejadian tersebut tidaklah sepatutnya menjejaskan nama baik peribadi seseorang ataupun menjatuhkan maruah negara jika ianya tidak diperbesar-besarkan. Saya berpendapat kes ini tidak perlu diperbesar-besarkan lagi kerana mungkin kelak akan benar-benar boleh merosakkan nama baik orang yang tidak berpeluang memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini.

YUNIT PENYERTAAN BUMIPUTRA

11. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sejauh mana kejayaan telah tercapai dengan terbentuknya suatu jawatankuasa khas bagi memajukan kedudukan pemborong-pemborong Bumiputra untuk setanding dengan pemborong-pemborong bukan Bumiputra dan pemborong antarabangsa dan nyatakan adakah beliau berpuashati dengan kejayaan yang ada sekarang.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Chen Teik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yunit yang dibentuk di Kementerian saya bukanlah jawatankuasa khas bagi memajukan kedudukan pemborong-pemborong Bumiputra tetapi satu yunit khas yang digelar Yunit Penyertaan Bumiputra. Yunit ini telah ditubuhkan pada tahun 1973 dan semenjak tertubuhnya yunit ini beberapa langkah telah diambil bagi memastikan penglibatan aktif kaum Bumiputra dalam bidang pembinaan khususnya di sektor awam. Di antara kejayaan yang telah dicapai ialah bertambahnya bilangan pemborong-pemborong Bumiputra yang didaftarkan dengan Kementerian saya dan juga menjamin pemborong Bumiputra mendapat sekurang-kurangnya 30% nilai kerja-kerja binaan yang ditawarkan.

Yunit tersebut pada masa ini telah menjalankan kursus-kursus khas untuk pemborong-pemborong binaan Bumiputra dalam Kelas "D" hingga "F" dan setakat ini tiga

kursus telah dan sedang dijalankan di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kota Bharu. Kursus ini akan diadakan pula di Alor Setar dan Pulau Pinang bermula dari 20hb April ini. Tujuan kursus-kursus tersebut ialah untuk memastikan pemborong-pemborong Bumiputra yang kian bertambah didaftarkan dengan Kementerian saya benar-benar memahami selok belok bidang yang mereka masuki. Di kursus-kursus ini mereka diajar beberapa aspek asas dalam bidang pembinaan seperti membaca pelan, membuat anggaran kerja dan juga memahami syarat kontrak. Topik-topik yang diliputi oleh subjek-subjek yang diajar pula mengandungi perkara-perkara utama dan penting bagi membolehkan mereka menghadapi urusanniaga dalam bidang pembinaan dengan lebih yakin dan juga mencapai kejayaan.

Oleh itu, dengan adanya peluang-peluang di atas yang diberi kepada pemborong-pemborong Bumiputra yang berdaftar dengan Kementerian saya, saya yakin mereka akan dapat memajukan perniagaan mereka hingga menjadi setanding dengan pemborong-pemborong bukan Bumiputra dan pemborong antarabangsa di masa-masa akan datang. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan peringkat kejayaan yang dicapai akan terpulanglah kepada pemborong-pemborong Bumiputra sendiri untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha mereka. Kementerian saya akan senantiasa memberi bimbingan dan latihan kepada mereka.

Raja Dato Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi bahawa sesudah Yunit Penyertaan Bumiputra ditubuhkan oleh Kementerianya ada nampak beberapa kejayaan. Satu daripadanya ialah bertambahnya bilangan pemborong bumiputra. Oleh itu, saya hendak mengetahui dengan adanya tambahan bilangan pemborong bumiputra, berapakah pula tambahan kerja diberi kepada pemborong bumiputra yang bertambah itu dan sejauh mana pula kerjasama yang diberi oleh Kementerian berkenaan kepada Persatuan Pemborong Bumiputra Malaysia?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi dengan terbentuknya Yunit Penyertaan Bumiputra angka pemborong bumiputra pun telah naik dan jumlah kerja yang ditawarkan kepada pemborong bumiputra pun telah naik dan seperti

Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum Kementerian saya bekerjasama rapat dengan Persatuan Pemborong Bumiputra dan sentiasa mengadakan mesyuarat atau majlis dailog dengan mereka.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kenaikan bilangan bumiputra yang berdaftar sebagai pemborong di Kementerianya itu menggambarkan kenaikan pada namanya sahaja ataupun kenaikan pada pengertian entrepreneurship, penyelenggara business itu sendiri atau pada namanya sahaja. Kalau disedari, bagaimana hendak diketahui oleh Kementerian supaya bilangan bumiputra yang menyertai bidang pemborongan ini betul-betul dikerjakan sendiri oleh bumiputra.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pihak pemborong bumiputra haruslah bekerjasama dengan Kementerian dan Kerajaan supaya kejayaan yang cemerlang dapat dicapai. Kementerian saya boleh memberi galakan dan boleh membuka peluang yang bertambah akan tetapi pihak pemborong sendiri haruslah bekerjasama dengan Kerajaan. Kementerian saya ada mendapat khabar angin bahawa penyelewengan telah berlaku, akan tetapi kalau ada butir-butir yang tepat, Kementerian saya tentu boleh menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, seperti saya sebutkan tadi kebanyakan pemborong bumiputra tak berapa faham professionnya. Oleh yang demikian, kursus latihan sekarang diadakan dan Kementerian saya berharap bukan sahaja kakitangan kontraktor menghadiri kursus tersebut, akan tetapi pemborong-pemborong sendiri pun mengambil bahagian dalam kursus latihan yang dijalankan sekarang.

MALAYSIA EXPORT CREDIT INSURANCE BHD.

12. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk bertanya Menteri Perdagangan dan Perindustrian berapa peratuskah saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputra terutama Bumiputra di Sarawak dalam Syarikat Export Credit Insurance yang melindungi hak pengeksport Malaysia.

Menteri Tak Berpoffolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah modal yang dibayar (paid-up capital) bagi Syarikat Malaysia Export Credit Insurance Bhd. (MECIB) ialah sebanyak 5 juta ringgit. Daripada jumlah saham yang dikeluarkan, Kerajaan memegang sebanyak 50%, bank-bank perdagangan 40% dan syarikat-syarikat insurance sebanyak 10%.

Syarikat Malaysia Export Credit Insurance Bhd. tidak mengeluarkan saham-saham kepada Bumiputra kerana MECIB tidak menawarkan saham-saham kepada orang-orang perseorangan. Tetapi dengan penyertaan bank-bank perdagangan seperti Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan syarikat insurans seperti Malaysian National Insurance Sendirian Berhad (M.N.I.) yang mempunyai kepentingan Bumiputra, maka secara tidak langsung MECIB menjamin penyertaan Bumiputra.

JURURAWAT MELETAKKAN JAWATAN

13. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kakitangan kejururawatan Kerajaan yang telah meletakkan jawatan dan memasuki poliklinik dan rumah perubatan swasta sejak 1hb Januari, 1976 hingga sekarang; dan
- (b) bahawa memandangkan khidmat mereka dalam bidang kesihatan masih amat diperlukan, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian-nya untuk menghentikan "pembayangan" ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi jawapan kepada soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kakitangan kejururawatan Kerajaan yang telah meletakkan jawatan sejak 1hb Januari, 1976 hingga Februari 1978 ialah 125 orang. Mereka meletakkan jawatan samada kerana menghadapi masalah keluarga, masalah peribadi, ingin mengikuti suami keluar negeri atau kerana melanjutkan pelajaran. Keseluruhannya

didapati ramai bilangan yang tidak langsung mengemukakan alasan mengapa mereka meletakkan jawatan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kesihatan tidak lagi menghadapi masalah kekurangan tenaga Jururawat Terlatih. Ini disebabkan keenam-enam Sekolah Latihan Kejururawatan di bawah Kementerian telah dapat mengeluarkan jumlah Jururawat Terlatih yang ramai. Oleh itu, Kementerian tidak akan menghadapi masalah sekiranya ada segelintir dari kekitangan kejururawatan Kerajaan meletakkan jawatan kerana tenaga jururawat terlatih yang berkhidmat dengan Kementerian buat masa ini adalah mencukupi.

PEPERIKSAAN SRP/LCE

14. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Shukor minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) jumlah pelajar-pelajar mengambil Peperiksaan S.R.P./L.C.E. tahun 1977 dan bilangan yang lulus Gred A, B dan C; dan
- (ii) bilangan pelajar-pelajar gred-gred B dan C yang mendapat tempat di tingkatan empat dalam tawaran istimewa yang dibuat oleh Kementerian ini dalam tahun 1978 ini.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Speaker,

- (i) Pada tahun 1977 bilangan pelajar-pelajar Sekolah Bantuan Penuh di Semenanjung Malaysia yang mengambil peperiksaan S.R.P. ialah 88,813 orang dan L.C.E. ialah seramai 93,056 orang. Bilangan calon yang lulus mendapat Gred A, B dan C adalah seperti berikut:

Gred	S.R.P.	L.C.E.
A	39,134	48,939
B	8,592	3,618
C	1,316	1,249

- (ii) Semua calon S.R.P./L.C.E. yang mendapat gred B iaitu seramai 12,210 dan C seramai iaitu 2,565 di Sekolah Menengah Bantuan Penuh telah diberi tempat.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa

Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun berjanji untuk mendapatkan tempat dalam Tingkatan IV bagi pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan Gred D dan C tetapi kita dapat tahu banyak di antara pelajar-pelajar itu telahpun berjaya dalam peperiksaan S.R.P. Gred II dan III daripada sekolah-sekolah swasta tidak mendapat tempat dalam sekolah-sekolah Kerajaan. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah polisi Kementerian beliau dalam perkara ini.

Dato Chan Siang Sun: Tuan Speaker, jika pelajar-pelajar itu daripada sekolah-sekolah persendirian (private schools) dan jika pada percubaan yang pertama mereka itu lulus mendapat pangkat A dan tidak pula berumur lebih, mereka itu akan dapat peluang balik ke aliran kebangsaan. Jika percubaan kedua tidak dapat pangkat A, tidak siapa yang boleh menolongnya; minta maaf sahajalah (*Ketawa*). Tetapi jika ada kes yang specific yang tidak dapat ditempatkan, saya merayulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan kepada saya dan saya akan mengambil tindakan segera.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Pelajaran sedang mengkaji ataupun akan mengkaji mengapa terjadinya perbezaan yang agak jauh sedikit antara kelulusan S.R.P. dan L.C.E. di dalam perbezaan antara A dengan B dan A dengan C.

Dato Chan Siang Sun: Satu kajian sedang dibuat dan telahpun dibuat. Tiap-tiap tahun kita telahpun mengambil perangkaan daripada tahun 1975, 1976 dan 1977 dan didapati perbezaan yang berlainan antara gred-gred ini tidak begitu besar. Walau bagaimanapun, untuk tahun ini keputusan peratusan ini barangkali rendah sedikit jika dibandingkan dengan tahun yang lepas. Kajian ini sedang dibuat dan barangkali kita akan dapat satu laporan daripada Lembaga Peperiksaan tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

WARTAWAN ASEAN KE JEPUN

15. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa 2 orang wartawan muda dari setiap negara ASEAN akan dihantar berkursus ke Jepun mulai bulan Ogos akan datang selama 3 bulan. Wartawan-wartawan ini akan diberi segala-gala kemudahan semasa mereka berada di Jepun. Adakah ini satu daripada ideologi yang dijalankan oleh negara Jepun supaya dapat mereka mempengaruhi wartawan-wartawan muda ASEAN di rantau ini pada masa yang akan datang. Bagaimana pula pendapat dari negara-negara anggota ASEAN terhadap latihan bersama itu.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Lawatan wartawan-wartawan muda dari negara ASEAN ke Jepun adalah dianjurkan oleh "Japan Publisher and Editors' Association (N.S.K.)" dengan kerjasama "Confederation of ASEAN Journalists". Mengikut rancangannya 3 orang wakil dari pertubuhan wartawan di tiap-tiap negara ASEAN akan dijemput. Persatuan Wartawan Malaysia telah menghantar—wakilnya.

Rencana ini merupakan pertukaran lawatan sambil belajar yang dijalankan oleh pertubuhan bebas yang tidak ada hubungan dengan ASEAN. Lawatan serupa ini bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan persatuan-persatuan wartawan ASEAN dan Jepun.

Jadi, lawatan pertama serupa ini tidaklah boleh dianggap sebagai cara-cara negara Jepun untuk mempengaruhi wartawan-wartawan muda kita pada masa akan datang.

Oleh kerana lawatan dan rancangan ini tidak resmi sifatnya, maka negara-negara ASEAN hanyalah menimbangkannya pemilehan dari segi "individual merits".

KELINIK GIGI BERGERAK

16. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian ini telah mengadakan klinik gigi bergerak di setiap buah sekolah di luar-luar bandar di negara ini, untuk memberikan rawatan gigi kepada murid-murid di sekolah tersebut pada tiap-tiap bulan atau pada masa-masa yang tertentu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Perkhidmatan Pergigian di Kementerian Kesihatan telah menubuhkan Pasukan Pergigian Bergerak (Mobile Dental Squad) pada penghujung tahun 1975, dan tiap-tiap satu pasukan bergerak ini akan pergi dari satu sekolah ke sekolah-sekolah yang kecil dan jauh terpencil di luar-luar bandar yang selama ini belum mendapatkan liputan rawatan pergigian langsung dari Perkhidmatan Pergigian. Pasukan bergerak ini akan pergi ke sesuatu sekolah itu dengan menggunakan "landrover" atau minibus dan membawa alat-alat kelengkapan pergigian yang portable termasuk generator kecil dan memberikan rawatan-rawatan pergigian sepenuhnya tiap hari kepada semua murid-murid di sekolah tersebut. Di samping memberikan rawatan, pasukan bergerak ini juga memberikan pengajaran pendidikan kesihatan gigi kepada kanak-kanak sekolah itu. Lamanya sesuatu pasukan memberikan rawatan di satu-satu sekolah itu akan bergantung kepada banyaknya murid-murid yang patut di rawat ataupun berkehendakan rawatan di sekolah itu; purata selama 10 ke 15 hari di sesebuah sekolah. Pasukan pergigian bergerak akan cuba melawat sekolah-sekolah yang sudah diberikan rawatan permulaan itu setahun sekali di mana rawatan semakan akan diberikan kepada kanak-kanak sekolah itu.

Semenjak pasukan pergigian bergerak ditubuhkan, ia telah membuat lawatan ke 132 buah sekolah dengan merawat 20,047 murid-murid dalam tahun 1976 dan ke 242 buah sekolah dengan merawat 43,605 murid-murid dalam tahun 1977.

SOUTH EAST ASIA INSURANCE BHD.

17. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Kewangan menyatakan yang berikut:

- (i) Tarikh pendaftaran South East Asia Insurance;
- (ii) Siapakah orang-orang yang terlibat dalam pembentukan South East Asia Insurance itu;
- (iii) Mengapakah ianya dirahsiakan dan modalnya yang dijelaskan sekarang; dan
- (iv) Setakat mana ia mengetahui terlebih dahulu mengenai kejatuhan First General Insurance.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):

- (i) Syarikat South East Asia Insurance Berhad telah didaftarkan pada 12hb Ogos, 1977.
- (ii) Senarai pemegang-pemegang saham Syarikat South East Asia Insurance Berhad telah saya berikan kepada Dewan ini pada 16hb November, 1977.
- (iii) Pendaftaran Syarikat South East Asia Insurance Berhad tiada langsung dirahsiakan dan mengikut seksyen 4 (8) kepada Akta Insuran, 1963, pemberitahuan tentang pendaftaran syarikat ini sebagai penginsuran telah dibuat dalam Pemberitahuan Warta Kerajaan No. 3678 tahun 1977. Modal kemaskini yang dibayar bagi syarikat ini ialah \$1.5 juta ringgit.
- (iv) Setakat mana Syarikat South East Asia Insurance mengetahui terlebih dahulu mengenai kejatuhan First General Insurance tidak diketahui.

PAKAR PERBIDANAN DAN SAKITPUAN

18. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau sedar bahawa terdapat Pakar Klinikal yang bertugas secara kontrek dan membuat kerja-kerja Pakar Perbidanan dan Sakitpuan di Hospital Bersalin, Kuala Lumpur sekarang ini sedangkan pihak Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai tidak kurang dari 8 orang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan yang berkhidmat di Hospital Bersalin tetapi tidak diberi taraf sebagai pakar. Jika sedar, apakah pakar-pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia ini tidak boleh diterima sebagaimana mengganti doktor-doktor kontrek yang sedang berkhidmat di Hospital Bersalin, Kuala Lumpur.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Adalah tidak benar bahawa Kementerian Kesihatan tidak memberi taraf sebagai Pakar-pakar Perbidanan dan Sakitpuan kepada Pakar-pakar yang berkhidmat di Universiti Kebangsaan. Mereka adalah diberi taraf seperti pakar-pakar lain juga. Pakar-pakar ini adalah kakitangan yang berkhidmat dengan Universiti Kebangsaan dan mereka selain daripada menjalankan tugas mereka sebagai Pensyarah dan klinikal tutor dalam bidang Perbidanan

dan Sakitpuan di Universiti Kebangsaan, juga berkhidmat sebagai Pakar-pakar Perbidanan dan Sakitpuan di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Soalan samada Pakar-pakar di Universiti Kebangsaan tidak boleh diterima menggantikan doktor-doktor kontrak di Hospital Bersalin Kuala Lumpur tidak timbul.

Pada masa ini memang ada Pakar-pakar Perbidanan dan Sakitpuan bertugas di Hospital Bersalin Kuala Lumpur dengan secara kontrak bagi membantu memberi khidmat kepakaran dalam bidang Perbidanan dan Sakitpuan.

DOKTOR-DOKTOR—PEMBERHENTIAN

19. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan memberi perhatian ke atas pemberhentian secara mendadak Doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan terutama sekali di Pulau Pinang. Jika ada, bolehkah Menteri yang berkenaan memberikan satu jaminan yang tegas bahawa semua langkah yang perlu telah dibuat untuk menahan pemberhentian-pemberhentian itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kementerian Kesihatan sedar bahawa beberapa orang doktor yang meletakkan jawatannya dari perkhidmatan Kerajaan dari masa kesemasa adalah mempunyai sebab-sebab mereka yang tersendiri. Selagi kekurangan doktor-doktor keseluruhannya masih ada di negeri ini, saya yakin bahawa Ahli Yang Berhormat sedar bahawa sudah pasti ada beberapa orang doktor yang ingin memasuki perkhidmatan swasta.

Ahli Yang Berhormat mungkin berminat mendapat tahu bahawa dalam tahun 1977, terdapat seramai 2,922 orang doktor yang berkhidmat di Malaysia. Dari jumlah ini, seramai 1,648 orang berkhidmat dengan Kerajaan dan 1,274 orang dalam sektor swasta. Saya berharap bahawa dengan adanya penyerapan graduan-graduan baru dari universiti-universiti tempatan dan juga dari luar negeri, maka bilangan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan akan terus meningkat, walaupun ini akan mengambil masa.

CONCORDE MELALUI RUANG-ANGKASA MALAYSIA

20. Raja Dato' Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah yang dimaksudkan oleh beliau apabila Menteri yang berkenaan menyampaikan dukacitanya mengenai seluruh sikap Kerajaan British mengenai perkara-perkara yang mempunyai kepentingan kepada Malaysia di dalam rundingan bersabit dengan penggunaan ruang angkasa Malaysia oleh perkhidmatan Concorde.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya telah menyebut begini mengenai sikap Kerajaan Inggeris adalah dalam konteks perkhidmatan udara di antara Malaysia dengan British yang mana, kepada saya, tidaklah memuaskan. Ini adalah berdasarkan bahawa pada masa ini MAS tidak diberi peluang sepenuhnya untuk berkembang dan menggunakan sepenuhnya potensinya bagi menerbangkan penumpang-penumpang dari Kuala Lumpur ke London pergi balik; dan dari Kuala Lumpur ke Hong Kong dan seterusnya ke negara-negara lain, pergi balik.

Patut juga saya sebutkan di sini bahawa masalah penerbangan Concorde melalui ruangangkasa Malaysia yang sedang dirundingkan dengan Kerajaan British ini adalah suatu perkara yang berasingan dan tidak disangkutkan dengan perkara-perkara hak lalu lintas yang tidak memuaskan itu.

PELARIAN VIETNAM

21. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah pelarian Vietnam yang mendapat perlindungan di Malaysia sehingga sekarang ini, dan dari jumlah itu berapakah lagi yang masih berada di negeri ini, nyatakan di negeri-negeri manakah mereka itu ditempatkan dan bilangan; adakah Kerajaan berpendapat bahawa pelarian itu tidak membawa pengaruh kominis ke negeri kita, pernahkah Kerajaan mendapati senjata-senjata yang merbahaya bersama-sama mereka. Jika ya, berapa banyak dan apakah tindakan yang telah diambil.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bilangan yang dibenarkan mendarat oleh kerana mengalami kecemasan setakat ini

adalah 9,840 dan seramai 5,445 orang telah-pun meninggalkan negara ini dan menetap di negara ketiga atas usaha wakil Suruhanjaya Tinggi bagi Orang-orang Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations High Commissioner for Refugees). Bakinya yang menunggu giliran untuk pergi ke negara lain adalah berjumlah 4,395 dan sekarang berada di negeri-negeri yang berikut:

(a) Trengganu	3,022 orang
(b) Pahang	261 orang
(c) Johor	976 orang
(d) Wilayah Persekutuan			21 orang
(e) Sarawak	115 orang
			<hr/>
JUMLAH	4,395 orang

Setakat ini belum ada lagi bukti-bukti bahawa orang-orang pelarian Vietnam yang dibenarkan mendarat di negara ini membawa pengaruh komunis ke negara kita. Namun demikian Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap perkara ini.

Semua bot-bot pelarian yang tiba di perairan Malaysia adalah diperiksa oleh Tentera Laut dan Polis Merin kita dan sebarang senjata yang dijumpai dirampas dan diserahkan ke pihak Polis. Senjata-senjata yang telah dirampas adalah seperti berikut:

(a) Senjatapi	211 laras
(b) Peluru-peluru	38,509 butir
(c) Bahan letupan/Bom	1,073 butir dan
(d) Roket/Signal Light	144 butir.

Boleh dikatakan sejumlah besar daripada senjata yang disebutkan tadi telah dirampas daripada anggota-anggota Tentera Republik Vietnam yang lari di perairan Malaysia dalam bulan Mei 1975 selepas Kerajaan itu dikalahkan oleh pihak komunis.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WESTON/BEAUFORT

22. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) bilakah Sekolah Menengah Kebangsaan Gedong, Weston, Kota Kilas, Manubok, Limbawang dan Pekan

Beaufort dimulakan pembinaannya dan berapakah bilangan darjah dan peruntukan diperuntukan bagi pembinaan ini; dan

- (b) Sekiranya sekolah-sekolah menengah ini siap pembinaannya hingga tingkatan berapakah kelas pelajaran diadakan di dalamnya dan adakah pengambilan guru-gurunya telah dirancang dari sekarang; sekiranya ada, berapa.

Dato Chan Siang Sun:

- (a) Sekolah Menengah Kebangsaan Weston sedang dalam pembinaan dan dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1979. Pembinaan S.M.K. Pekan Beaufort akan dimulakan pada pertengahan tahun 1978 dan dijangka akan siap pada penghujung tahun 1980. Sekolah ini akan didirikan di tepi jalan Beaufort/Mempagar. Bagi kedua-dua buah sekolah tersebut peruntukan yang telah disediakan ialah sebanyak \$7 juta dan bilangan bilik darjahnya ialah sebanyak 20 buah.

Mengenai sekolah-sekolah lain yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran pada masa sekarang belum ada peruntukan bagi pembinaan sekolah-sekolah itu disebabkan adanya keperluan-keperluan yang lebih mendesak di kawasan-kawasan lain.

- (b) Sekolah Weston telah dirancang sebagai Sekolah Menengah Rendah iaitu hingga Tingkatan III sahaja dan Sekolah Menengah Pekan Beaufort telah dirancang sebagai sebuah Sekolah Menengah Penoh iaitu hingga Tingkatan V. Pengambilan guru-guru bagi sekolah-sekolah tersebut telah dirancang sejauh mana yang boleh. Bilangan yang perlu adalah seperti berikut:

S.M.K. Weston

Guru Terlatih (siswazah)	3
Guru Terlatih (bukan siswazah)	13
Guru Khas	2
			<hr/>
JUMLAH	18

S.M.K. Beaufort (Mempagar)

Guru Terlatih (siswazah ke- pujian)	4
Guru Terlatih (siswazah am) ...	7
Guru Terlatih (bukan sis- wazah	13
Guru Khas	3
JUMLAH ...	27

**PENDUDUK TIDAK BERNEGERI
(STATELESS PERSONS)**

23. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Hal Ehwah Dalam Negeri menyatakan bilangan penduduk-penduduk yang tidak bernegeri yang terdapat di negeri ini, beri perpecahan mengikut kaum, bilangan penduduk-penduduk yang tidak bernegeri yang memohon untuk mendapatkan kerakyatan dan bilangan daripada mereka yang berjaya memperolehi kerakyatan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian ini kurang faham apakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai penduduk-penduduk yang tidak bernegeri (stateless persons). Sebagaimana yang telah saya jawab beberapa kali nampaknya Ahli Yang Berhormat itu masih lagi menggunakan perkataan yang boleh disifatkan sebagai "loose and sweeping". Kita tidak boleh menganggap seseorang itu sebagai "stateless" semata-mata dengan berpandu kepada wajahnya sahaja. Undang-undang Kewarganegaraan adalah suatu undang-undang yang kompleks. Oleh itu, sebelum seseorang itu boleh dikatakan "stateless" maka mustahaklah terlebih dahulu diketahui tempat kelahirannya, tempat kelahiran ibubapanya dan juga undang-undang Kewarganegaraan negeri asalnya. Menurut amalan setengah-setengah negara seseorang atau keturunannya yang berasal dari negara itu adalah dianggap sebagai warganegara negara yang berkenaan itu. Jadi tidaklah benar dikatakan seseorang yang belum menjadi Warganegara Malaysia sebagai "stateless persons".

Pada masa ini ada 244,144 orang yang bertaraf penduduk tetap negara ini; iaitu mereka yang memegang Kad Pengenalan Merah. Saya tidak dapat beri pecahan mengikut kaum kerana bukan menjadi amalan

Kementerian menyimpan rekod seperti itu. Setakat ini terdapat 19,632 permohonan warganegara sahaja yang masih dalam proses pertimbangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak negara kita mencapai Kemerdekaan sejumlah 2,239,069 telah diaftarkan menjadi warganegara.

MINYAK TANAH/DIESEL

24. **Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian telah menjalankan satu kajian yang komprehensif ke atas kekurangan minyak tanah dan diesel yang selalu berlaku dalam negeri-negeri di negara ini dan jika ya, nyatakan sebab-sebabnya dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini, jika tidak, mengapa.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Kementerian saya telahpun menjalankan kajian yang komprehensif ke atas kekurangan minyak tanah dan diesel semasa menimbang-bankan permohonan kenaikan harga oleh syarikat-syarikat minyak pada tahun lalu kerana masalah bekalan ada kaitannya dengan harga. Hasil dari kajian tersebut telah didapati bahawa sebab utama mengapa terjadi kekurangan bekalan minyak tanah dan diesel kepada pengguna-pengguna ialah kerana harga-harga yang terpaksa ditetapkan mempunyai dua peringkat (two tiers). Untuk pengguna biasa harga yang ditetapkan adalah terlalu rendah, iaitu 82 sen satu gelen untuk minyak tanah dan \$1.18 sen satu gelen untuk diesel (ex-Kuala Lumpur). Untuk pengguna industry, harganya ialah dalam lingkungan \$1.04 sen satu gelen untuk minyak tanah dan \$1.30 sen satu gelen untuk minyak diesel.

Walaupun bekalan mencukupi untuk kegunaan ramai di satu-satu kawasan kekurangan berlaku kerana:

- (i) Beberapa industri kecil membeli minyak harga murah untuk orang biasa, sehingga bekalan di tempat-tempat menjadi kurang;
- (ii) Penyeludupan ke luar negeri minyak yang dibekalkan untuk orang ramai;
- (iii) Pembelian berlebihan oleh beberapa orang tempatan mungkin kerana harga satu tin lebih murah daripada harga mengikut botol atau kerana takut kekurangan berlaku;

- (iv) Laporan tentang kekurangan minyak dalam akhbar biasanya menyebabkan orang ramai membeli lebih daripada keperluan semasa kerana takut kekurangan berlaku;
- (v) Bekalan minyak kepada peruncit dibuat beberapa hari sekali. Pembelian berlebihan menyebabkan bekalan habis terlalu awal dan pesanan bekalan tambahan mengambil masa untuk dipenuhi;
- (vi) Ada orang yang boleh menukar warna biru minyak tanah supaya tidak berwarna dan boleh dijual dengan harga \$1.40 sen satu gelen;
- (vii) Ada juga usaha mencampuri minyak tanah yang murah dengan diesel atau mengguna minyak tanah terus mengganti diesel.

Yang menjadi masalah ialah kekurangan-kekurangan minyak boleh menyebabkan kekurangan bertambah. Umpama jika kekurangan berlaku di satu tempat kerana penyeludupan ke luar negeri, atau kerana pembelian yang berlebihan, perkara ini dilapur dalam akhbar. Apabila orang lain di tempat itu atau di tempat lain membaca bahawa ada kekurangan minyak mereka membeli lebih daripada biasa untuk mengelak daripada kekurangan minyak. Dengan pembelian ini tentulah orang lain tidak akan dapat membeli minyak kerana stok peruncit untuk 7 hari sudah habis dalam masa 5 hari. Pesanan mungkin dibuat untuk tambahan minyak, tetapi sebelum bekalan baru dibuat kekurangan berlaku dan laporan mungkin dibuat yang akan menyebabkan lebih ramai cuba membeli. Kerana terlalu banyak pesanan, syarikat tidak mungkin membekal semuanya dengan serta merta.

Walaupun peristiwa ini berlaku, kekurangan minyak tidak pernah menyeluruh. Kekurangan biasanya berlaku di beberapa tempat sahaja dan buat beberapa hari sahaja. Apabila Kementerian diberitahu tindakan diambil untuk mengarah syarikat minyak supaya membekal tempat yang terlibat. Tetapi biasanya syarikat mengambil tindakan membekal tanpa arahan dari Kementerian.

Selagi harga minyak dijual lebih rendah dari kos dan subsidi dibayar oleh Kerajaan, dan harga dua peringkat digunakan kejadian kekurangan minyak di tempat-tempat tetap

akan berlaku. Kejadian ini boleh dihapuskan jika Kerajaan membenar kenaikan harga minyak kepada paras yang menampung kos. Kerajaan tidak sanggup berbuat demikian kerana bahan ini diguna oleh golongan yang miskin di negara kita.

JABATAN LETRIK BANDARAYA

25. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apabila Lembaga Letrik Negara mengambil alih Jabatan Letrik Bandaraya berapa jumlah gantirugi yang dibayar kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang; jika tidak, mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Ingin dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengambilan alih Jabatan Bekalan Letrik Bandaraya Majlis Perbandaran Pulau Pinang baru sahaja menyiapkan laporan berkenaan nilai harta yang terlibat dengan pengambilan alih oleh L.L.N. Laporan itu yang meliputi juga soal gantirugi akan dikemukakan kepada Jumaah Menteri tidak lama lagi untuk mendapatkan keputusan.

MAS—KEMALANGAN B 737 DI JOHOR

26. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan melapurkan secara perinci kepada Dewan ini mengenai kemajuan terakhir penyiasatan yang dijalankan ke atas kemalangan kapalterbang MAS 737 di Johor pada bulan Disember tahun lepas.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum saya telah memberi laporan ringkas mengenai kemalangan kapalterbang Boeing 737 pada 6hb Disember 77 di dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian penyiasatan yang teliti terhadap kemalangan tersebut masih dijalankan oleh Ketua Pegawai Penyiasat yang ditubuhkan di bawah "Air Navigation Ordinance 1952, Investigation of Accidents Regulation 1953".

Ketua Pegawai Penyiasat telah meminta kerjasama orang ramai supaya memberikan segala maklumat berhubung dengan kemalangan tersebut mengikut Peraturan 7 (c), Investigation Accidents Regulations 1973

dan segala maklumat itu hendaklah disampaikan kepada pihaknya selewat-lewatnya pada 30hb Mac 1978.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, beberapa alat-alat penting telah dijumpai semasa kerja-kerja menggali rangka kapalterbang itu dan antaranya termasuklah Flight Data Recorder, Cockpit Voice Recorder serta juga bahagian-bahagian penting badan kapalterbang tersebut. Flight Data Recorder dan Cockpit Voice Recorder ini telah dihantar ke England untuk dianalisa. Analisa seumpama ini, sebagaimana yang dialami oleh negara-negara lain, memakan masa yang panjang untuk diproses. Adalah tidak sesuai bagi saya untuk membuat sebarang kenyataan di Dewan yang mulia ini sehingga satu laporan yang lengkap diterima daripada Ketua Pegawai Penyiasat bagi kemalangan tersebut.

NASRUL HAQ

27. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kementerian beliau sedar mengenai perpecahan yang akan berlaku di kalangan orang-orang Islam yang timbul daripada komen-komen yang dibuat oleh setengah-setengah alim ulama mengenai seni mempertahankan diri "Nasrul Haq" dan tindakan yang akan diambil dalam hal ini.

Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Menjelaskan pertanyaan Ahli Yang Berhormat, buat pada masa ini tidak ada perpecahan berlaku di kalangan orang-orang Islam kerana Nasrul Haq atau akibat daripada komen-komen yang dibuat oleh setengah-setengah alim ulama mengenai seni mempertahankan diri Nasrul Haq itu.

Walau bagaimanapun tidak dinafikan adanya kekeliruan di kalangan orang-orang Islam terhadap amalan Nasrul Haq. Oleh yang demikian, sebuah Jawatankuasa telah pun ditubuhkan bagi menyiasat dan mengkaji amalan Nasrul Haq itu. Hasil kajian teliti yang dibuat oleh Jawatankuasa ini akan diumumkan kelak.

PELABURAN TEMPATAN

28. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab kelembapan dalam berkembangnya pelaburan tempatan dalam masa

dua tahun yang lalu dan samada benar penguatkuasaan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan red tape di jabatan-jabatan yang berkenaan adalah menyebabkan pelabur-pelabur tempatan melabur di tempat lain dan juga nyatakan samada satu unit akan ditubuhkan di bawah Kementerian beliau untuk memotong red tape yang dihadapi oleh pelabur-pelabur tempatan.

Tuan Abdul Manan bin Othman: Secara am bolehlah dikatakan bahawa pelaburan dalam masa dua tahun yang lalu telah lembab. Ini adalah kerana paras pelaburan seluruh dunia telah berkurangan kerana kegagalan ekonomi dunia puleh semula selepas krisis minyak dan inflasi yang berikuit. Banyak negara-negara yang biasanya melabur di negara asing sedang menumpu perhatian kepada pelaburan di dalam negara masing-masing. Walaupun demikian berbanding dengan negara-negara membangun yang lain yang juga cuba menarik pelaburan, paras pelaburan di Malaysia tidak mengeciwakan kita. Saya tidak setuju yang Akta Penyelarasan Perindustrian dan red tape di jabatan-jabatan yang berkenaan menghalang para pelabur tempatan menanam modal. Ini jelas terlihat daripada hakikat bahawa sungguhpun dalam tahun 1975 hanya 63 syarikat-syarikat yang sedia ada telah membuat rancangan pembesaran dan/atau mempelbagaikan pengeluaran, bilangannya telah bertambah kepada 103 dalam 1976 dan 150 dalam tahun 1977. Perkembangan ini menjelaskan yang para pelabur menunjukkan keyakinan terhadap kekukuhan ekonomi Malaysia.

Beralih kepada bahagian terakhir soalan Ahli Yang Berhormat, saya setuju bahawa tatacara yang ada sekarang di mana para-pelabur perlu menghubungi berbagai jabatan-jabatan Kerajaan sebelum boleh melaksanakan projek-projek perindustrian mereka adalah tidak memuaskan dan mengambil masa yang lama. Dengan hasrat untuk mengurangkan kelewatan ini saya telah mengarahkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan menubuhkan sebuah unit pusat. Unit ini yang akan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan yang terlibat dalam pembangunan perindustrian, dan akan bergerak tidak lama lagi, akan membolehkan para-pelabur menemui semua agensi-agensi Kerajaan di satu tempat.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Keempat”. (21hb Mac, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Selayang baharu mulakan ucapannya selama 5 minit, dan sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya, di dalam Peraturan Mesyuarat kita tidak ada menetapkan berapa hari untuk perbincangan berhubung dengan Titah Ucapan D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong ini, tidak seperti Rang Undang-undang Perbekalan atau Pembangunan Tahunan. Dengan sebab itu, saya tidak hendak menetapkan apa-apa pembatasan ataupun had waktu pada masa ini.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Selayang menyambung ucapannya.

3.46 ptg.

Puan Chow Poh Keng (Selayang): Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan masalah ini kerana ada sebilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang bersemangat tanggungjawab menjalankan polisi-polisi di bawah Dasar Ekonomi Baru dan mereka juga sedar matlamat-matlamat polisi itu

dengan sepenuhnya, tetapi adalah juga sebilangan kecil pegawai-pegawai Kerajaan yang berkelakuan kurang sabar, dengan kelakuan itu, mereka senantiasa melaksanakan program-program dan polisi-polisi itu berlawanan dengan rancangan-rancangan asal. Kita mesti tidak boleh melupakan bahawa kemajuan ekonomi dan teknologi adalah berhubung rapat dengan mutu pekerjaan. Sebaliknya, jika ada kerja-kerja yang diberikan sesiapa tanpa mengira pengalaman kerja atau kelayakan-kelayakan yang khas, bukan hanya boleh menghadkan kemajuan, tetapi juga akan muncul kecewaan dari orang-orang yang layak tetapi tidak dipilih. Ini bukan hanya merujuk kepada tempat-tempat kosong kerja sahaja tetapi juga termasuk peluang-peluang kenaikan pangkat, pemberian biasiswa dan peluang-peluang latihan untuk mencapai sasaran-sasaran, kita tidak melupakan akibat teruk yang akan dihasilkan dari solusi-solusi jangka pendek.

Sistem pelajaran dan latihan telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebagai alat-alat mencapai matlamat-matlamat perpaduan nasional, dan juga mempunyai peranan mustahak supaya menolong wujudkan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru.

Pelajaran dan latihan adalah asas kepada pekerjaan, sebaliknya, kegagalan membekalkan peluang-peluang pekerjaan yang sesuai kepada orang-orang yang berpelajaran akan memburukkan perasaan tidak puas hati antara belia kita dan akan mencetuskan ketegangan sosial dan politik.

Kekurangan tenaga manusia mahir di taraf professional dan separuh professional adalah disifatkan sebagai satu sebab besar yang menghalang kecekapan pelaksanaan projek dan program. Misalnya ialah pekerjaan-pekerjaan khas seperti jurutera, doktor, jururawat, guru, pakar pertanian dan pengurus. Menurut Pengukuran Tenaga Manusia Nasional 1973 dan pengukuran pasukan buruh tahunan (National Manpower Survey of 1973 and the Annual Labour Force Surveys), adalah ganjil diperhatikan bahawa dalam pasukan buruh kita, banyak orang-orang yang cukup berpelajaran dan mahir tidak mendapat pekerjaan dan sentiasa merasa keciwa.

Ijazah atau diploma yang tidak diberi pengakuan adalah masaalah lain yang telah memaksa kebanyakan belia kita pergi ke seberang laut meneruskan pelajaran atau latihan, kerana institusi-institusi teknikal dan vokesyenal dan institusi pengajian tinggi tidak cukup tempat untuk menerima belia itu. Latihan dan pelajaran di seberang laut memerlukan perbelanjaan yang terlalu besar kepada pelajar dan ibubapanya, khasnya adalah kenaikan yuran dan kos kehidupan diseberang laut. Sementara itu, kita juga mempunyai bukan-warganegara yang datang dari negara-negara seperti India, Indonesia, Philippines, dan lain-lain yang bekerja di sini secara kerja sementara.

Strateji-strateji dan program-program tenaga manusia kita mesti dibuat atas pertimbangan bagaimana memberi pertolongan kepada orang-orang berpelajaran tetapi tidak ada kerja, kerana mereka boleh membuat sumbangan kepada projek-projek perkembangan, sekiranya persoalan mereka tidak diatasi, kita akan mewujudkan satu golongan belia yang kecewa dan mudah dijadikan mangsa kepada anasir-anasir anti-nasional.

Ketetapan kerja dan kenaikan pangkat adalah sebagai satu penggalakan dalam pekerjaan supaya mewujudkan keselamatan kerja dan menambahkan produktiviti. Kita sentiasa nampak sebilangan jurutera, guru dan jururawat yang masih memegang kerja-kerja sementara sungguhpun mereka telah memberi perkhidmatannya beberapa tahun. Perkara ini telah menyebabkan kecewa dan kurang minat dalam kerja-kerja mereka. Semangat lemah itu akan menjejaskan produktiviti untuk mengatasi masaalah ini, kita patut menggunakan sumber tenaga manusia kita hingga maksima. Oleh yang demikian, program-program tenaga manusia kita patut mengandungi kajian terhadap masaalah-masaalah tersebut, dan mencari solusi-solusi supaya membetulkan keadaan itu.

Berhubung dengan bilangan bertambah pelajar-pelajar yang berhenti sekolah tiap-tiap tahun, mereka adalah punca-punca pekerja-pekerja potensi yang boleh digunakan supaya memberi sumbangan kepada perkembangan negara kita, tetapi kita patut memberi latihan menasabah kepada mereka. Adalah keperluan terlalu cemas bagi membina lebih banyak institusi-institusi

vokesyenal dan teknikal dan pengajian tinggi supaya mengambil masuk pelajar-pelajar yang berhenti sekolah, khasnya pada masa ini kos-kos melanjutkan pengajian tinggi di seberang laut telah dipertambahkan ber-banyak kali gandanya. Di sini, sektor-sektor swasta juga patut memberi latihan sambil bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mengemukakan masaalah-masaalah ini kepada perhatian Dewan ini, saya memikirkan akibat-akibat jangka panjang yang akan dihasilkan dari kecewaan pengangguran itu. Saya merasa kebanyakan masaalah-masaalah ini boleh diringkaskan melalui persefahaman dan muhibah daripada semua pihak yang berkenaan dan jika semua kaum-kaum kommuniti bekerja sejajar dengan semangat dan matlamat polisi Dasar Ekonomi Baru, kita akan mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatupadu dan makmur.

3.45 ptg.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda (Nilam Puri): Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke kadharat Allah kerana mendapat peluang pada petang yang berbahagia ini untuk bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain bagi menyampaikan ucapan setinggi-tinggi junjung kasih atas Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan rasmi Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara besar yang saya dapati terkandung di dalam Titah Ucapan yang saya fikir amat perlu saya sentuh dan saya membicarakan.

Yang pertama, tentang apa yang dinamakan "The Rule of Law" ataupun "Negara Hukum" atau "Pemerintahan berdasarkan Undang-undang", dan yang kedua, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru negara dan pencapaiannya.

Kepada soal yang pertama, memanglah sejak kita telah mencapai kemerdekaan dan kita telah memilih sistem demokrasi berparlimen mengikut apa yang telah ditunjukkan oleh bekas tuan kita dahulu, kita telah mengamalkan satu pemerintahan yang sedaya upaya yang boleh untuk mengikut dan menurut kaedah-kaedah negara hukum atau pemerintahan yang berdasarkan undang-undang.

Memang tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tujuan kita memilih sistem pemerintahan yang berdasarkan undang-undang ini ialah kerana keinginan kita hendak mencapai keadilan dan memanglah keadilan itu sendiri yang menjadi prinsip negara hukum dan negara-negara mana sahaja pun yang ujud dalam dunia sekarang ini masing-masing menepuk dada dan memperklamirkan pada dunia luar bahawa mereka juga adalah negara hukum dan mereka juga adalah negara demokrasi. Bagaimana pencapaian kepada keadilan menerusi sebuah negara yang berdasarkan undang-undang, maka tentunya dalam amalan kita selama kita telah merdeka ini kita mengikut kepada prinsip-prinsip demokrasi berparlimen seperti saya katakan tadi kerana melalui sistem demokrasi berparlimen ini, kita percaya keadilan itu akan dapat dicapai. Memang dalam Islam sendiri pun mengarahkan kepada kita supaya kita berlaku adil sebagaimana firman Tuhan, dengan izin, saya sebutkan, "Innallaha-yak murukum bil-adli wal ehsan" dan ada lagi ayat-ayat lain mengatakan, "Faizahakantum bainannas antahkumu bil adli" dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dapat Yang Berhormat sebutkan maksudnya.

Datak Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Maksudnya ialah bahawa ayat pertama, sesungguhnya Allah mengarah atau memerintah supaya berlaku adil dan berbuat baik, dan ayat yang kedua bermaksud apabila kami memerintah atau menghukumkan atau menjadi orang yang berkuasa di antara manusia maka adalah kamu menghukumkan atau memerintahkan dengan secara yang adil. Jadi jelaslah bahawa matlamat yang hendak dicapai menerusi prinsip bernegara ini ialah keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem demokrasi juga adalah dengan tujuan untuk mencapai keadilan. Kita memilih sistem demokrasi bukan kerana demokrasi, tetapi kerana kita percaya bahawa demokrasi itu merupakan prasarana atau infrastruktur bagi mencapai keadilan itu sendiri walaupun perkataan demokrasi itu terlalu nisbi atau relatif.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau pendapat-pendapat ahli-ahli falsafah politik atau political philosopher sejak zaman antique sampailah ke zaman pertengahan, sampai ke abad 14, 16, 18 sampai ke abad

ini, kita akan menemui beberapa orang yang telah memberikan pendapat-pendapat yang walaupun dalam bentuk dan caranya berbeza tetapi semua pendapat-pendapat itu adalah menuju kepada satu pembentukan pemerintahan yang berlaku adil. Pendapat Plato umpamanya atau Aristotle di zaman antique, pendapat Joan of Salisbury di zaman pertengahan dan di permulaan abad ke 14 pula pendapat Dante dan sebagainya hingga sampai kepada pendapat seorang ahli politik dari Italy Machiavelli sendiri yang dianggap sebagai ahli politik yang anih yang telah memberikan satu petua bahawa tujuan menghalalkan semua cara, kalau tujuan baik, buatlah apa sahaja cara walaupun tidak baik asalkan tercapai tujuan itupun berpendapat bahawa tujuan bernegara adalah untuk mengujudkan keadilan kepada masyarakat, hinggalah sampai kepada ahli falsafah seperti Montesquieu dan Rousseau dari Perancis hingga menimbulkan berbagai-bagai faham kenegaraan di abad ke 19 seperti utilitarianism, liberal nationalism, anarchism, utopianism dan akhirnya falsafah Hegel, Karl Marx and Engels yang melahirkan faham komunis.

Di abad ke 20 lahir satu faham baru yang bernama Political Pragmatisme atau Political Pragmatism dan lain-lain doctrine political yang kalau kita kaji semuanya hendak mencari keadilan melalui pemerintahan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, demokrasi yang kita pakai ini adalah demokrasi seperti yang diamalkan di negeri British. Pada masa dulu telah heboh sebentar apakala saya mengatakan bahawa sistem demokrasi berparlimen di Malaysia ini perlu ditinjau semula. Baru semalam seorang ahli Pembangkang; Ketua Pembangkang di sini telah mengeluarkan satu pendapat tentang bagaimana hendak menyekat daripada meloncat atau melompatnya Ahli-ahli Parlimen atau menyelewengnya Ahli-ahli Parlimen daripada parti politik yang ia menggunakan tiket untuk menjadi Ahli Dewan ini. Ini sebagai satu gambaran betapa sistem yang dipakai di Malaysia ini yang kita pinjam daripada British itu perlu ditinjau kembali, walaupun tidak seluruh pendapat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu semalam dapat saya setujui, tetapi dalam prinsipnya saya telah mengatakan pendapat itu adalah wajar.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kalau kita kembali mengingatkan kepada teori Trias Politika, satu teori yang diberikan oleh Montesquieu atau nama penuhnya Baron de Montesquieu dalam bukunya yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris pada tahun 1750 yang diberi nama *The Spirit of Law*, beliau telah menggariskan satu doctrine yang paling popular yang dinamakan doctrine itu dalam istilahnya Trias Politika dan doctrine inilah banyak mempengaruhi pembangun atau pembina negara Amerika Syarikat itu sendiri walaupun dalam praktiknya yang dibuat oleh Amerika Syarikat itu ada beberapa bab dan ada beberapa sudut tidak sama juga dengan doctrine yang diberikan oleh Montesquieu dalam bukunya *The Spirit of Law*.

Teori Trias Politika membahagikan kepada tiga bahagian yang menjadi alat jentera yang besar dalam mewujudkan satu pemerintahan. Yang pertamanya ialah Dewan Perundangan (*Legislature*), yang kedua ialah *Executive* (peraksanaan pentadbiran pemerintahan) dan yang ketiga ialah *Judicial* (Keadilan) ataupun tentang soal kemahkamahannya yang memberikan satu hujah yang paling tegas dan nyata betapa mustahaknya ketiga-tiga bahagian ini dipisahkan secara langsung. Dewan Perundangan yang dipilih atau yang dianggap mewakili rakyat ini hendaklah dipilih secara adil dalam satu pilihanraya dengan apa sahaja bentuk yang sesuai mengikut zamannya di mana undi-undi rakyat diberi nilai pada keseluruhannya. Pembentukan pemerintahan yang adil dipertanggungjawabkan kepada Dewan Perundangan. Prinsip-prinsip pembahagian kekuatan ini merupakan satu pendekatan pada anggapan saya kepada kuasa cita-cita yang lebih mulia iaitu pendekatan yang dianggap sesuai dengan situasi yang ada di tanahair kita ini.

Ada dua kaedah pilihanraya atau cara memilih anggota-anggota Dewan Perwakilan. Yang pertama melalui popular votes dan kaedah yang kedua melalui majority votes iaitu kaedah yang kita pakai majority votes (suara terbanyak) di mana kalau seorang mendapat 10,000 undi dan kalau lawannya mendapat 10,001 maka yang menang ialah 10,001 undi, yang 10,000 undi kalah cara majority tetapi undi yang diberi oleh 10,000 kepada yang kalah terbuang dengan begitu

sahaja. Dia tidak punya suara dalam Parlimen dari segi popular votes itu sendiri sedangkan apa yang dimaksudkan yang sebahagian daripada negara-negara di Eropah menganggap sistem popular votes itu sendiri akan memberikan semacam rasa kepuasan kepada instinct manusia atau naluri manusia itu sendiri tentang betapa undi yang diberi itu tidak berfaedah, tidak berguna di mana perwakilannya akan ada dengan cara yang tertentu yang diatur mengikut hukum negara itu sendiri. Yang kedua ialah kerana pemilihan orang. Adakah pelaksanaan pilihan atau memilih wakil itu diletakkan asasnya kepada pemilihan orang ataupun pemilihan golongan. Ada dua sahaja kaedah dalam dunia pilihanraya yang dipakai sekarang ini iaitu pilihan orang dan pilihan golongan. Sistem yang kita pakai ialah pilihan orang tetapi yang pentingnya seperti saya sebutkan pada masa-masa yang lalu ia merupakan pilihan orang atau peribadi dengan menggunakan tiket parti politik, gunakan simbol parti politik itu. Jika ia menang, ia akan dianggap oleh rakyat sebagai partinya menang tetapi di dalam Dewan dan di dalam teorinya dia adalah dia, ia menang kerana dia. Sistem seperti ini adalah sistem penonjolan diri di dalam politik. Sistem inilah yang menyebabkan bertambah tajamnya power struggle sedangkan ada satu sistem yang lain ialah sistem memilih parti dengan tidak menonjolkan orang. Ada beberapa buah negara yang mengadakan peraturan-peraturan yang agak berlainan tetapi dalam konsep memilih parti, parti menentukan senarai nama orang yang tertentu dan rakyat memilih parti. Kalau parti telah mendapat undi yang cukup mengikut ukuran yang telah ditentukan maka orang yang pertama pilih parti itu terpilih dengan sendirinya. Kalau orang yang pertama itu menyeleweng dari dasar parti mengikut garis negara ataupun melompat ke arah golongan yang lain mengikut prinsip yang ditentukan oleh garis-garis negara, dia dengan sendirinya terlucah dan tidak perlu diadakan satu by-election, sebab senarai nama calon yang dikemukakan oleh parti sedia terdaftar kepada negara, kepada Kerajaan di mana orang yang kedua akan mengambil alih.

Penonjolan cara yang kedua ini adalah merupakan penonjolan parti. Penonjolan parti ertinya penonjolan konsep dan dasar yang hendak dibawa oleh parti itu sendiri atau penonjolan satu akidah atau ideology

yang hendak dibawa oleh parti itu sendiri walaupun benda yang ditonjolkan itu semata-mata bersifat kebendaan, maddi (material) semata-mata. Dengan dua kaedah inipun saya rasa kita akan dapat melihat perbezaan yang amat jauh dari segi pencapaian kepada sifat-sifat adil dalam mewujudkan satu Dewan Perwakilan yang mempunyai daulat dan mempunyai kuasa dalam pembentukan undang-undang.

Perbezaan cara tidak menyebabkan timbulnya perbezaan konsep. Konsep ialah mesti ujudnya satu Dewan Perwakilan Rakyat atau Dewan Rakyat yang akan menyuarakan hasrat rakyat dalam konsepnya, tetapi dalam cara untuk mendapatkannya banyak pendapat-pendapat yang berbeza. Dan di antara yang berbeza itu ada pendapat yang lebih dekat dengan kehendak dan selera (instinct) manusia-manusia mengikut kawasan dan daerah kedudukan manusia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya memberikan pengertian iaitu untuk memilih golongan yang akan diamanahkan untuk bukan sahaja menyuarakan pendapat dan pandangan rakyat tetapi juga untuk mengawasi perjalanan pemerintahan negara itu sendiri. Tidaklah seseorang itu yang apabila dia menjadi Wakil Rakyat maka dia menjadi seperti loudspeaker—alat pembesar suara yang microphonenya letak di kampung dan dia menjadi loudspeaker atau pembesar suara yang datang ke Dewan ini untuk suara kampung itu terbongkar di dalam dewan ini semata-mata. Sebab sifat yang sebenarnya ialah sudah merupakan sifat pemimpin. Sebab dia datang ialah dengan suatu konsep, konsep yang hendak dihadapkan kepada negara dan satu konsep untuk mengawasi agar perjalanan pemerintahan negara itu mencapai matlamatnya iaitu negara hukum (the Rule of Law) untuk mencapai keadilan itu sendiri.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita mestilah dengan secara berani mulai berfikir dari sekarang untuk cuba mengkaji bagaimanakah caranya supaya dapat kita membentuk, memperbaiki atau mungkin meroboh sebahagian kecil atau mungkin sebahagian besar daripada struktur sistem demokrasi negara kita ini atau mengadakan overhaul kepada tiga asas untuk tempat tegaknya negara demokrasi itu sendiri.

Yang pertama ialah dari segi mengujudkan satu badan pembuat undang-undang seperti Dewan yang bertuah ini iaitu mengadakan batas-batas hukum bagi mengelak daripada berlakunya penyelewengan termasuklah penyelewengan di dalam masaalah kempen, merayu undi dan sebagainya.

Banyak negara-negara mengadakan peraturan-peraturan yang berlainan tentang cara mengadakan kempen atau merayu undi. Ada negara yang membenarkan parti-parti politik mengadakan kempen sebelum daripada hari penamaan calon, dari hari parti itu masuk bertanding atau tidak. Sebab pertandingannya atas nama parti, bukan atas nama orang. Bukan penonjolan peribadi dan bukan pendewaan manusia seseorang. Bukan dipilih orang kerana keturunan, kerana pangkat atau kerana wang ringgit yang banyak. Tetapi dipilihnya ialah kerana dasar parti samada baik atau tidak baik terserah kepada orang yang memilih itu sendiri.

Ada negara yang membenarkan pelaksanaan kempen itu berjalan selepas daripada penamaan calon tetapi di dalam batas-batas yang tertentu. Memang tidaklah semudah yang kita bertiori tentang bagaimana hendak menjaga supaya perlaksanaan pilihanraya itu berjalan dengan baik. Kita boleh mengatakan supaya dia menjadi baik. Tetapi untuk mengawalinya amatlah sulit kerana yang akan menjalankan kempen ialah manusia biasa. Yang membuat undang-undang pun adalah manusia biasa. Yang mengawal untuk keselamatan pada hari itu pun adalah manusia biasa, dan tentulah sebagai manusia biasa dia tertakluk kepada sifat-sifat perasaan dan kecenderungan yang ada pada manusia itu sendiri.

Kita misalkan negara kita Malaysia. Undang-undang yang ada pada negara kita tentang soal batas-batas hukum bagi mengelakkan penyelewengan itu pada perinsipnya sudah cukup. Kalau cara ini yang kita laksanakan, tidak cara lain sudah memadai kalau ianya dapat dipatuhi oleh semua pihak. Tetapi kalau ianya tidak dipatuhi, tidak ada satu badan lain yang akan dapat mengesan dan kalau dapat mengesan tidak dapat bertindak bagi menghalang daripada berlakunya cara-cara kempen yang terlalu kotor dan cemar yang sehingga sampai terasa bagi rakyat satu perasaan mual dan muak terhadap cara kempen sehingga sampai ada menyebabkan orang tidak mahu keluar

mengundi dan sebagainya; justru oleh kerana negara kita pun mengamalkan sistem bebas mengundi dan bukan paksa mengundi. Umpamanya, dari segi kewangan, dengan belanja yang banyak lebih daripada had yang dibenarkan dan tidak ada siapa yang dapat menyiasatnya tentang had yang dibenarkan. Umpamanya, tentang soal oleh kerana pilihanraya ini sifatnya penonjolan peribadi, maka ada unsur-unsur untuk menjatuhkan nama baik peribadi tertentu dengan menggunakan berita-berita fitnah dan sebagainya yang oleh setengah-setengah orang kampung barangkali terlalu baru dengan berita seperti itu dan mudah sangat dipercayai. Fitnah-fitnah tentang orang kaya, fitnah-fitnah tentang membuat harta, fitnah-fitnah tentang rasuah adalah suatu benda yang begitu sensasi, menarik perhatian bagi orang-orang kampung yang tidak mengetahui hujung dan pangkalnya. Sedangkan untuk bertindak bagi mengawasi supaya hal-hal yang demikian tidak berlaku amatlah sulit dalam keadaan sistem demokrasi yang berjalan pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh lagi supaya terang, ada umpamanya berlaku dalam pilihanraya di negeri Kelantan baru-baru ini, penaburan fitnah yang terakhir pada petang Jumaat menjelang hari mengundi; penaburan fitnah mengatakan orang yang bernama Datuk Asri itu pergi mencari wang di negeri Arab, menjual nama Nilam Puri dan menjual nama Perjuangan Rakyat Pattani; dapat wang bawa balik dan wang itu di investkan ke Jakarta dan menubuhkan Hotel Asri di Jakarta. Padahal kalau rakyat itu mengetahui dan faham tentu dapat mengetahui dengan sepenuhnya bahawa Hotel Asri di Jakarta itu telah ujud sebelum parti PAS diwujudkan lagi di Malaysia ini. Itu sebagai satu contoh.

Cara seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, memang kotor. Cuma tidak tersudu oleh itek, tetapi benda itu mudah laku kerana benda yang bersifat fitnah memang boleh. Jadi ini satu daripada cacat-cela yang timbul dan ujud di dalam sistem demokrasi berparlimen yang ada di negara kita ini. Ini mesti dibaiki dan diawasi dengan sewajarnya.

Yang kedua, mengubah sistem memilih calon kepada memilih parti. Dan sistem kawasan kepada sistem wilayah. Ini bererti kalaulah ahli-ahli politik dan negarawan-negarawan kita merasa perlu meninjau

semula ini adalah merupakan satu alternative yang perlu diberi nilai, mungkin dia bertambah baik atau mungkin dia kurang baik itu bergantung kepada penilaian kita sendiri, mengubah sistem memilih calon atas nama peribadi kepada parti dan mengubah sistem kawasan kepada sistem wilayah di mana perhitungan dan ketentuan kemenangan bagi sesuatu parti berdasarkan kepada percentage jumlah keluar pengundi dan jumlah undi yang didapati dan cara demikian sahaja akan dapat mengawal kaedah-kaedah yang terlalu kotor yang sehingga pengertian bahawa politics is a dirty game itu terbayang dan tergambar dengan jelas.

Yang ketiga, memberi nilai yang bermakna kepada undi rakyat atau popular votes seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang keempat, bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia perhitungan hendaklah dibuat atas asas ujudnya masyarakat majmuk itu sendiri. Maknanya kita tidak dapat mejamakan mata tentang bentuk masyarakat yang ada di Malaysia. Kalau kita cuba mejamakan mata dan kita mengatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbagai kaum yang bersatu-padu yang sudah melupakan kaum asalnya, yang kesemuanya merasakan dirinya satu, maka kita adalah penipu besar! Kita bukan sahaja menipu rakyat dan menipu orang luar tetapi kita menipu diri kita sendiri.

Hal ini terpaksa dibuat perhitungan asas-asas wujudnya masyarakat berbilang kaum atau masyarakat majmuk sendiri, di samping mengakui dari segi undang-undang atas kedudukan bumiputra dalam pembahagian kuasa politik menerusi sistem undi rakyat atau "popular votes". Cara yang seperti ini pada anggapan saya akan dapat menyekat kalau tidak menghapuskan atau membendung perasaan perkauman yang seperti api dalam sekam. Sifat-sifat perkauman itu silih berganti datang dan pergi dibawa oleh orang-orang yang bertukar corak dan bentuk fikiran mereka. Itu satu langkah yang pertama bagi mewujudkan satu Dewan Perwakilan Rakyat secara adil tentang caranya dan sifat wujudnya keadilan mengikut sistem dan kaedah pemisahan tiga badan berkuasa, "Trias Politika, tiori Montesquieu" melalui bukunya "The Spirit of Law".

Yang kedua, mewujudkan badan pemerintahan atau Kerajaan, executive yang terpisah daripada legislature, yang terpisah

daripada Dewan Perwakilan Rakyat, yang bebas dan bersih di mana ketua executive yang dinamakan Perdana Menteri, pada masa sekarang bertanggungjawab terus kepada Dewan Rakyat sedangkan para Menteri adalah bertanggungjawab kepada Perdana Menteri. Cara ini sekurang-kurangnya membolehkan, yang pertama perkhidmatan Jemaah Menteri berjalan lancar tanpa bimbang terhadap tekanan atau pengaruh politik dan terhadap kalah atau menang di dalam pilihanraya.

Yang ketiga, anggota Jemaah Menteri dapat dipilih dari kalangan yang benar-benar mempunyai kebolehan dan kemampuan dengan kerana dua perkara ini. Saya tekankan bahawa anggota Jemaah Menteri tidak boleh sama sekali diambil daripada orang-orang yang dipilih menjadi Ahli Dewan Rakyat kerana tiori pemisahan itu memberikan suatu garis pemisahan antara legislature dengan executive.

Satu perkara lagi, oleh kerana pemisahan juga secara total kedudukan pengadilan di dalam negara maka Jabatan Peguam Negara sama sekali tidak boleh dipegang oleh seorang Menteri atau orang yang dipilih oleh rakyat dan tidak ada Peguam Negara dalam Kabinet bahkan Menteri Kehakiman pun tidak ada dalam Kabinet.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan sebuah pengadilan yang benar-benar bebas dari pengaruh badan executive dan legislature di mana kepala negara bagi Malaysia kita ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat oleh sebuah badan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja melantik anggota-anggota Hakim-hakim dan jumaahnya yang bertanggungjawab langsung kepada negara. Tidak ada orang yang dapat perlindungan daripada undang-undang walaupun ia memegang jawatan Perdana Menteri sekali pun dan tidak ada seorang hakim yang akan menundukkan kepala dalam tertakata mendengar arahan daripada orang yang paling tinggi dalam executive walaupun ia Perdana Menteri.

Pemisahan Trias Politika dalam tiori yang diberikan oleh Montesquieu ini menggambarkan betapa sebelum Montesquieu menulis pada abad ke 18 itu wujud suatu keadaan yang begitu tidak menyenangkan dalam masyarakat negeri Perancis itu sendiri. Barangkali masyarakat negeri Perancis pada

masa itu, saya tidak kata ada tertulis dalam buku, agak saya terlalu terpengaruh dengan tiori yang diberikan oleh Machiavelli seorang ahli politik dan diplomat daripada negara Italy.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua ini saya percaya tidak akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya kecuali semua kita berminat untuk melihat wujudnya satu pemerintahan demokrasi yang bersih yang dapat menjamin wujudnya sebuah masyarakat yang padu dan kukuh serta berdaulat. Saya sedar bahawa apa yang disebutkan tadi mungkin ini tidak akan dapat dilaksanakan dalam tempoh yang singkat tetapi apa yang saya kehendaki ialah cuba kita membuka sebentar pintu hati dan pintu fikiran kita, cuba kita ketuk hati kita sendiri untuk melihat di dalam mahukah atau tidak kita meninjau kembali sistem demokrasi yang berjalan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sekadar pandangan tentang sistem demokrasi berparlimen yang jika dipanjangkan hanya sekadar untuk menambahkan beberapa hujah-hujah tentang perkara ini.

Berbalik kita kepada soal Dasar Ekonomi Baru negara yang telah menggariskan batas tempohnya pada tahun 1990, yang bererti bakinya tinggal 12 tahun lagi, dan selama 8 tahun telahpun kita lalui. Saya percaya satu kajian mustahak diadakan secara menyeluruh bukan kajian untuk Rancangan Malaysia Ketiga bagi setengah penggal sahaja, tetapi kajian yang menyeluruh dengan meletakkan asas. Jika 20 tahun adalah 100% pencapaian dari konteks untuk mendapatkan 30% penyertaan bumiputra di semua bidang maka masa berlalu ialah 40% dan bakinya tinggal hanya 60% lagi. Dalam konteks ini tumpuan mestilah kita berikan juga kepada pencapaian mengikut masa dan peratusnya. Ertinya, apakah sesudah kita menempuh masa sebanyak 40% itu pencapaiannya sudah juga kita dapati sebanyak 40% dan jika tidak dapatkah kekurangan peratus itu dilipatgandakan agar pencapaiannya boleh didapati dalam tempoh baki masa 40%.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sewaktu menjawab soalan tambahan dalam Rumah ini telah menyatakan bahawa equity bumiputra dalam sektor pelaburan pada masa mula-mula Dasar

Ekonomi Baru dijalankan hanya berada di-tahap 1% sahaja. Maka sekarang kita telah dapat mencapai 7%, bermakna kita telah dapat mencapai 700% kejayaan dalam tempoh 8 tahun. 700% dinilai dari titik bertolakannya hanya 1% adalah benar dan memang merupakan suatu kejayaan yang besar, tetapi penilaian seperti demikian kadang-kadang boleh mengkaburkan perhatian kita kepada objektifnya Dasar Ekonomi Baru negara. Kerana sewajarnya pencapaian haruslah dapat mengwujudkan angka tunjuk kepada 40% atau kurang sedikit. Jadi dalam tempoh 8 tahun atau 40% tempoh masa kita ketinggalan sebanyak 33% yang sepatutnya dicapai. Jika 33% ini dicampur dengan baki 60% yang akan menempuh masa 12 tahun lagi bermakna kita terpaksa mencapainya sebanyak 93% lagi atau 7.75% setahun. Ini kalau 7% seperti disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dihitung dari asas 100% tetapi jika dihitung pada asas 30% matlamat bagi bumiputra maka pencapaian yang telah didapati selama 8 tahun itu adalah dinilai 23.33% dan bakinya sebanyak 76.67% yang hendak dicapai di dalam tempoh 12 tahun lagi, bermakna 6.38% setahun sama juga dengan nilai 1.9% setahun dari asas 30% peruntukan untuk penyertaan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, adakah berkeungkinan matlamat ini dapat dicapai sedangkan dalam masa 8 tahun kita hanya berupaya meletakkan angka tunjuknya dalam bidang ekuiti pelaburan hanya 7% yang bererti pencapaian sekadar 0.875% setahun dinilai dari asas 30% peruntukan untuk bumiputra atau 7.75% dinilai atas asas 100%. Kalau keupayaan kita dapat mencapai atas kadar hanya 7% dalam 8 tahun atau 0.875% setahun bererti pada tahun 1990 kita berupaya mencapainya atau mencapai tambahannya atas kadar 10.5% atau jumlah semuanya menjadi 17.5%. Maka pada tahun 2000 berapa agaknya untuk dapat kita mencapai 30% peruntukan untuk bumiputra, itupun jika kenaikan percent bagi golongan lain statik, tidak bergerak, beku tetapi jika sama-sama bergerak dan memanglah sama-sama bergerak, apa lagi jika gerakan golongan lain lebih pantas, lebih cepat maka dari nilai percentnya kita makin jauh ketinggalan kebelakang. Ini baru kita kaji dibidang ekuiti dalam pelaburan, penanaman modal dalam industri dan sebagainya, bagai-

mana di bidang-bidang yang lain tentu ada tinggi dan rendahnya, tetapi kita terpaksa cuba hitung sendiri sejauh mana yang kita telah dapat capai. Saya bimbang bahawa tahun 1990 akan merupakan tahun yang malang, iaitu tahun yang menetapkan bahawa Dasar Ekonomi Baru Negara tidak berhasil, bukan kerana dasarnya tidak baik tetapi pencapaiannya agak lembab.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita ini lebih banyak bermegah dan sombong dengan wujudnya beberapa kejayaan nisbi sambil kita menutup mata dan memekakkan telinga kita terhadap kelemahan-kelemahan yang makin nyata dan jelas. Malangnya rakyat kita, rakyat biasa sering pula disonglapkan dan disogokkan dengan coklat-cokelat yang manis sekadar untuk ubat pelali pada ketika dan jarak yang singkat bagi maksud jangka pendek dan singkat pula dan pada ketika yang sama negara kita juga sedang menghadapi bahaya political pollution.

Kita ada Kementerian untuk mengawal pencemaran alam tetapi kita juga sedang menghadapi pencemaran politik (political pollution) sedang menyerang negara kita dan pada ketika yang sama kita masih menggunakan coklat manis ubat pelali untuk melenakan rakyat supaya rakyat tidak nampak apa hakikat yang sebenar yang dinamakan pembangunan bagi negara kita ini dan kalau itu dapat difahami apa pula rakyat dapat memahami pula tentang kedudukan zaman depannya disegenap bidang, tidak sahaja bidang ekonomi bahkan di bidang politik kita sendiri, sebab walau bagaimana sekali pun kalau ada orang yang mengatakan bahawa kekuatan politik mestilah bergantung kepada kekuatan ekonomi, tetapi saya ada mempunyai satu kalimah lain bahawa kekuatan ekonomi yang sekuat mana sekalipun kalau kekuatan politik kita telah lebur dan terlucut dari tangan kita, pembangunan ekonomi yang ada akan ikut roboh, bukan sahaja roboh tetapi dia akan menimpa dan menindih menghancurkan kita ini menjadi bangkai yang tidak bernyawa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya hendak ke mana kita.

4.24 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kebawah Duli Tuanku yang telah bertitah

semasa pembukaan Dewan ini, rakyat di dalam negara ini sudah tentu akan menilai tujuan dan hasrat Kerajaan selama ini hendak berbuat apa sahaja untuk kepentingan negara.

Dalam Pilihanraya Dewan Negeri Kelantan baru-baru ini saya amat tertarik hati kepada janji-janji dan matlamat Kerajaan Baru yang terpilih dengan hasrat rakyat iaitu akan menunaikan segala keperluan negeri itu dengan kehendak kepada pembangunan. Saya amat percaya rakyat Kelantan akan bergembira dengan usaha-usaha yang kelak boleh membawa kepada kemakmuran rakyat. Apa yang menjadi kekhuatiran saya selama ini bukan hanya terhadap kemampuan Kerajaan mengadakan peruntukan yang begitu banyak untuk menampung segala kekurangan di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Kedah, Perlis dan lain-lain tetapi ialah terhadap bekalan tenaga yang diperlukan untuk menyelenggarakan sesuatu atau semua rancangan-rancangan Kerajaan.

Tahun ini merupakan tahun yang ketiga dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang merupakan satu langkah penting di dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru—itulah ayat pertama dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka semalam. Keadaan ketidak-seimbangan pembangunan di antara semua unit-unit negeri dalam Malaysia adalah jelas sekali. Dasar Ekonomi Baru yang hendak memesatkan bumiputra dalam lapangan perusahaan dan perniagaan dan pengeluaran negara hanya boleh dijalankan dengan baik dan teratur kalau infrastruktur dalam negeri-negeri itu kemas dan baik. Umpamanya, dalam negeri-negeri di selatan Tanah Melayu, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dahulu telah dapat dijayakan dengan begitu kemas dan teratur dengan pertolongan, bantuan kerjasama dan simpati, juga perhatian berat daripada Kerajaan Pusat tetapi apa hal dengan negeri-negeri yang mundur seperti Kedah, Kelantan, Trengganu, Perlis dengan keadaan yang serba kekurangan itu akan dibiarkan dengan memberi kata-kata janji yang muluk dan sedap.

Kemenangan Barisan Nasional di Kelantan pasti akan membawa rahmat kepada rakyat Kelantan yang sekian lama menunggu dengan penuh kesabaran. Wang yang banyak tentu akan dicurahkan sebanyak-banyak untuk

menutup penyakit-penyakit lama yang perlu diubati sehingga tidak akan ada lagi kesan-kesan ataupun parut-parut hitam. Siapa sahaja yang melihat keadaan di Kelantan tentu tidak akan menaruh sakit hati atau cemburu kalau Kerajaan Pusat mengambil langkah khas dan utama memberi keutamaan kepada negeri Cik Siti Wan Kembang itu tetapi janganlah hendaknya segala perhatian utama diberi kepada Kelantan itu maka keadaan-keadaan di negeri-negeri lain tidak dihiraukan langsung. Mungkin sudah menjadi kenyataan bahawa langkah utama pihak Parti Islam Setanah Melayu akan mengubah pindah strategi mereka daripada Kelantan kepada negeri-negeri di Pantai Barat, khususnya di Kedah. Mungkin juga di Kedah itu mereka akan mengumpulkan segala tenaga dan fikiran untuk sekurang-kurangnya menambah kerusi-kerusi mereka yang ada sekarang dalam saat-saat yang akhir sewaktu nadi berdenyut lumpuh, kekuatan akhir akan dikumpul berhabis-habisan, negeri Kedah akan menjadi medan pertempuran yang sengit sekali di masa hadapan.

Perkara ini sengaja saya bawa ke dalam perbahasan ini supaya kelak pihak Kerajaan sentiasa akan memberi pandangan yang serious dalam segala bantuan-bantuan, pertolongan-pertolongan yang harus dipesatkan kepada Kedah. Apa yang disuarakan oleh saudara saya daripada kawasan Jerai semalam, umpamanya mungkin Kelantan akan menjadi issue pilihanraya di hadapan kalau keadaan itu dibiarkan dengan begitu sahaja.

Saya kata lagi sekali, iaitu kita sebenarnya berhasrat besar tenaga kecil, akhirnya kita akan keciwa dan benci kerana tidak dapat menunaikan keperluan asasnya. Setelah tunjuk-tunjuk perasaan berlaku di Kedah dalam tahun-tahun 1975 dan berikutan Kementerian demi Kementerian, Menteri demi Menteri telah berlarian ke Kedah untuk membuat janji-janji hendak memberi pertolongan dan bantuan. Setelah kembali Menteri-menteri, datang pula rombongan demi rombongan pegawai-pegawai membuat perundingan, pertemuan dan bermacam-macam lagi kelak rancangan-rancangan yang telah diumumkan, seolah-olah pada pandangan umum Kedah itu akan bertukar rupa manakala hujan sehari turun, rupa-rupa kemarau yang membawa ketandusan tanah Kedah itu terus berpanjangan kerana tanah yang kering-kontang itu tidak akan

berkesan subur kalau hanya direnjis air yang dibawa di dalam timba-timba yang berwarna-warni buatan pula daripada elastik.

Kalaupun Kerajaan berminat benar-benar hendak membuat perubahan di Kelantan ataupun negeri-negeri di Pantai Timur jangan hendaknya Kerajaan lupa kepada rakyat Kedah. Memang di Kelantan dan kalau kalah di Kedah seolah-olah sebagai kata dua kali tiga ataupun tiga kali dua sahaja. Ahli-ahli Barisan Nasional di Kedah tidak sekali-kali cuak dengan gertakan daripada parti lawan hendak menawan Kedah tetapi kita tidak mahu kita mati di tengah medan peperangan dengan tidak tahu menggunakan senjata. Adalah menjadi bodoh sekali bagi seorang perwira ataupun katria masuk bertempur dengan mendabik dada konon dialah kebal dan menyerahkan badannya ditikam dan diterkam. Kalau kesan kemarau telah dirasai benar-benar oleh rakyat di Utara Kedah, maka kesan-kesan ini bertambah lipat ganda dirasai oleh rakyat di Selatan Kedah yang hidup hanya bergantung kepada perusahaan getah dan perusahaan hutan, umpamanya di daerah Kulim Bandar-Bahru dan Baling, tanam-tanaman seperti padi ataupun ubi-ubi telah jahanam kerana kekeringan kontang dan perusahaan inilah yang selama ini menjadi sumber pendapatan tambahan kepada rakyat di kampung.

Sekurang-kurangnya di Utara Kedah keadaan-keadaan taliair yang membawa air ke sawah-sawah dapat juga mengatasi segala kekurangan air, tetapi kalau di kawasan Baling, Kulim dan lain-lain lagi di Selatan Kedah dan keadaan taliair yang tidak teratur, dibuat secara lepas tangan sahaja menekan rakyat hendak mengharap kepada tambahan pendapatan ekonomi manakala terjadi kemarau yang terok begini maka barulah dapat Kementerian ataupun Kerajaan membuka mata dengan seluas-luasnya menilai sejauh mana buruk-baik pembangunan taliair iaitu nadi kepada petani-petani sekalian.

Petani-petani yang mengerjakan sawah di dalam negeri Kedah dan Kelantan serta Perlis ialah 100% bangsa Melayu. Yang menjadi anih dan pelek sehingga hari ini tidak ada seorang pegawai tinggi ataupun jurutera-jurutera dalam bidang taliair terdiri daripada anak-anak bumiputra. Saya masih

kuat percaya bahawa hanya orang Melayu ataupun daripada keturunan Melayu sahaja yang mengetahui dengan sedalam-dalam dan sebanyak-banyak mengenai masalah yang dihadapi oleh kita ini, oleh petani-petani Melayu. Kalau pembangunan taliair hendak dibuat untuk menghiasi permukaan bumi sahaja tetapi tidak memenuhi hasrat petani maka kepincangan yang sering berlaku di kalangan petani-petani Melayu akan berterusan dan saya percaya kalau masalah petani-petani Melayu tidak diatasi dengan bijak dan bersungguh-sungguh, harapan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang telah masuk ke dalam tahun yang ketiga itu akan kelak menemui kebuntuan dan kegagalan. Petani-petani atau orang Melayu yang tinggal di luar bandar adalah pengundi ataupun penyokong Kerajaan hari ini yang terkuat sekali.

Usaha Kerajaan hendak mempesatkan lagi pengeluaran getah asli di kalangan pekebun-pekebun kecil adalah sangat menggalakkan. Rakyat ataupun pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung hari ini telah banyak membuat perusahaan-perusahaan gaya cara mereka mengeluarkan getah dan juga menjual getah. Banyak yang telah gemar menjual kepada MARDEC umpamanya, tetapi yang menjadi hairan kepada rakyat hari ini Kerajaan menerusi MARDEC dapat mendirikan kilang-kilang memproses getah dengan harga yang berjuta-juta ringgit tetapi mengapa setelah getah-getah itu diproses, bahan-bahan itu tidak dapat diselenggara jual sendiri oleh MARDEC, umpamanya kepada pembeli-pembeli di luar negeri, tetapi masih kedapatan getah-getah itu ada juga dijual di kedai-kedai, di pekan-pekan kecil, sedangkan ada kedapatan syarikat-syarikat bukan bumiputra yang sekian lama menopolikan pembelian dan penjualan getah dengan pihak-pihak di luar negeri. Apakah kerana ketidak upaya pihak MARDEC atau Kementerian Perusahaan Utama ini membuat perkiraan kerana tujuan itu? Persatuan Pekebun-pekebun Kecil yang menjadi badan atau menggabungkan seluruh dagangan pekebun-pekebun Kecil dalam negara ini harus diberi peluang untuk mengambilalih menjadi wakil ataupun ejen-ejen dalam negeri ataupun di luar negeri. Setakat memberi peluang kepada badan-badan seperti Persatuan Pekebun-pekebun Kecil itu menyampaikan rayuan dan pandangan sahaja

adalah tidak memadai dan menepati kehendak-kehendak dasar Rancangan Malaysia Ketiga ini. Pekebun-pekebun kecil harus diberi peluang merasai nikmat Dasar Ekonomi Baru daripada pengeluaran getah daripada batang-batang pokok-pokok getah, memprosesnya dan juga memperdagangkan. Soal tidak layak, tidak ada kemampuan, tidak ada kepandaian, tidak ada pengalaman di kalangan antarabangsa tidak timbul kalau sekiranya Kerajaan benar-benar berhati betul hendak menolong pekebun-pekebun kecil ini.

Saya membuat syor di dalam Dewan ini iaitu MARDEC juga diberi tanggungjawab hari ini untuk menolong petani-petani Melayu ataupun pekebun-pekebun kecil Melayu yang menjalankan perusahaan ubi kayu. Penanaman ubi kayu umpamanya di kawasan Baling yang luas beribu-ribu ekar samada di atas tanah rakyat ataupun di atas tanah Kerajaan yang diteroka secara haram hanya memberi nikmat yang secebis sahaja kepada penanam-penanam ubi kayu bumiputra itu. Menjadi kebiasaan setelah ubi kayu ditanam dengan permulaan modal yang dikeluarkan oleh bukan bumiputra, tegasnya pengilang-pengilang ubi kayu, tanaman itu telah dijual sebelum lagi ubi kayu itu dicabut. Keuntungan yang sepatut didapati oleh penanam-penanam bumiputra itu yang dijangka lumayan hanya tidak berapa sen sahaja kalau dibanding dengan keuntungan yang dipungut oleh pengilang-pengilang ubi kayu. Mengapa tidak MARDEC umpamanya meluas lagi skop untuk menolong pekebun-pekebun kecil bumiputra ini dengan memberi perhatian kepada perdagangan ubi kayu secara kecil-kecil di daerah-daerah seperti Baling, Kulim Bandar-Bahru dan Sik. Saya sangat percaya kalau langkah ini diambil rakyat di kampung-kampung akan bergembira mengalu-alukan rancangan ini.

Saya ingin juga menyampaikan rungutan rasa tidak puas hati terhadap MARA iaitu di segi memberi pinjaman wang kepada yang ingin hendak membuat ataupun memulakan perusahaan kecil di kampung-kampung ataupun di luar bandar.

Pada suatu masa dahulu Kerajaan membuat berbagai-bagai saranan dan penerangan supaya rakyat yang ingin hendak memula atau menjalan ataupun menerus perusahaan-perusahaan dan perniagaan yang berkehendakkan kepada bantuan pertolongan

wang yang banyak untuk ini. Hingga hari ini rakyat masih diberi maklumat iaitu untuk hendak mendapat pinjaman wang memulakan perusahaan yang sesuai maka MARA adalah pihak yang boleh memberi pertolongan itu. Saya tidak nafikan. Sudah banyak MARA memberi pertolongan, memberi nafas kepada peniaga-peniaga kecil dan besar bumiputra, tetapi di masa-masa yang akhir ini banyak juga peniaga-peniaga kecil bumiputra yang merungut-rungut kata untuk mendapatkan pinjaman wang modal dan lain-lain akan menemui berbagai-bagai kesukaran dan terpaksa berkali-kali temuduga dan bermacam cara yang mendatangkan bosan kepada rakyat untuk membuat perhubungan. Untuk hendak menunaikan mereka yang sentiasa mengharapkan kepada pertolongan seperti ini MARA harus mengarahkan pegawai-pegawai ataupun kakitangan-kakitangannya menyempurna tugas-tugas ini dengan penuh semangat benar-benar hendak menolong dan melatih serta membimbing peniaga-peniaga kecil bumiputra. Janganlah hendaknya seorang belia yang telah mendengar kata-kata Menteri bahawa Kerajaan sentiasa hendak menolong bumiputra dalam bidang peniaga-peniaga kecil akan menemui jalan buntu lebih-lebih lagi manakala beliau hendak memohon pinjaman-pinjaman maka berbagai-bagai halangan dan cara-cara yang diberi yang mendatangkan bosan dan benci beliau bukan sahaja kepada MARA tetapi kepada Kerajaan seterusnya.

Rakyat masih ada lagi tertanya-tanya dan teragak-agak untuk membuat pengukuran tentang keadaan mana beliau hari ini akan dibawa. Banyak tuduhan-tuduhan yang dibuat di dalam ceramah, rapat umum, majallah-majallah, suratkhbar yang berkenaan dengan kedudukan beliau dalam negeri ini, lebih-lebih lagi peranan Dasar Ekonomi baru. Adakah mereka hari ini berpuas hati dengan adanya KOBENA, kehandalan dalam bidang sukan, kejayaan dalam seni budaya yang melibatkan tugas beliau dalam negara ini, dengan pula berlaku berbagai-bagai maksiat dan di sebalik itu muncul pula pengaruh dakwah yang kuat di kalangan muda-mudi, apakah kesedaran yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menyatakan bahawa angkatan beliau dalam negara yang tercinta ini sudah bersama-sama mendokong cita-cita menjadikan negara ini sebuah negara yang aman, makmur dan

bersih. Masa depan Malaysia bergantung kepada jenerasi muda sekarang ini mengambil alih tugas pemerintahan. Allahyarham Tun Abdul Razak pernah menyatakan kejayaan besar Kerajaan yang penting ini terletak kepada dasarnya, kepada perubahan sikap dan nilai orang Melayu, kesanggupan mereka untuk membuat pengorbanan bagi mencapai kebahagiaan hidup.

Apakah hari ini angkatan belia dengan dorongan Kerajaan dapat menjalankan kehendak-kehendak itu. Hasil daripada rumusan seminar menyalahgunakan dadah yang dikeluarkan oleh PEMADAM kita merasai khuatir adakah Kerajaan kita benar-benar dan bersungguh-sungguh hendak menjalankan usaha membawa muda-mudi kita kepada cita-cita Kerajaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah mempunyai tanggungjawab yang berat. Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang berbunyi: "Beta menggesa seluruh rakyat sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan melibatkan diri sepenuhnya dalam usaha ke arah mencapai keteguhan negara." Revolusi mental di kalangan belia negara ini harus diperhebatkan lagi. Cita-cita yang terkandung dalam Ucapan Titah itu tidak sampai kalau sekiranya perubahan-perubahan sikap muda-mudi atau belia dalam negara ini tidak berjaya. Kerana itu saya menggesa supaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini diberi kepercayaan yang penuh untuk menyediakan tenaga raksaksa bagi keperluan negara, benar-benar jujur, dedikasi dan bertakwa.

Kerajaan hari ini bersungguh-sungguh mengharapkan sokongan dan dukungan daripada rakyat terhadap hasrat Kerajaan yang benar-benar hendak membuat sesuatu demi kepentingan dan keutuhan negara. Kepada saya maka saya lebih percaya sokongan daripada rakyat dalam negara ini lebih penting mengatasi segala-galanya dalam hendak menjadikan negara ini sempurna. Saya tidak begitu yakin Malaysia akan dapat mencapai kejayaan dan dapat duduk sama tinggi dengan negara-negara yang maju, berdiri seiring dengan negara-negara yang kuat kalau kita mengharapkan kepada kasihan belas, bantuan kewangan dan kebendaan daripada luar terutama dari segi modal, teknik dan kepakaran. Selama manakah negara ini mahu bergantung kepada kuasa luar untuk menolong kita membangun?

Hari ini sudah sepatutnya kita perlu memikirkan atau mencari jalan iaitu kita patut berdiri di atas kaki sendiri. Mari kita kaji semula sejarah iaitu dengan memohon pertolongan dari orang kita tidak akan mendapat kesenangan di akhirnya. Kerajaan harus menekan supaya semua rakyat berfikir iaitu kita harus bekerja kuat, berfikir kuat dan bersabar kuat untuk mencapai kemenangan dengan tangan, tenaga sendiri tanpa bantuan daripada mana-mana pihak.

4.43 ptg.

Tuan Latip b'n Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong dan menjunjung tinggi atas Titah Ucapan D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Di dalam ucapan Baginda itu pertamanya menyentuh masaalah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru serta perpaduan rakyat adalah perkara yang sangat dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kami yakin Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini mengikut dasar-dasar seperti yang telah ditentukan itu dengan memberi arahan dalam pengendaliannya untuk menjayakan cita-citanya yang dibahagi-bahagikan kepada berbagai Kementerian yang bertanggungjawab serta menjalankan tugas-tugas tertentu yang bertujuan tidak lain dan tidak bukan untuk mencapai objektif negara "Bersekutu Bertambah Mutu", untuk kepentingan rakyat berbilang keturunan samada di bandar atau di luar bandar terutama mengenai pengurangan jurang perbezaan antara miskin dan kaya serta juga di bidang yang lain seperti pelajaran, kesihatan dan lain-lain lagi bagi menjamin keteguhan dan keselamatan rakyat adalah menjadi tanggungjawab penting kepada pihak Kerajaan yang berkenaan pada hari ini.

Di sini ingin saya menyentuh Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab bagi mendidik rakyat negara ini melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan baik di bidang ilmu pengetahuan serta mewujudkan rakyat bersatupadu dan bertanggungjawab untuk mempertingkatkan lagi taraf hidup yang lebih baik selaras dengan prinsip Rukunegara. Untuk melaksanakan masaalah ini adalah satu tugas yang berat dan mengambil masa.

Bagi kami di negeri Sarawak berasa syukur semenjak 15 tahun sudah Sarawak memasuki Malaysia segala dasar pelajaran penjajah dahulu yang menyekat kami telah dapat dihapuskan, sekarang hampir semua kawasan di daerah luar bandar telah mempunyai sekolah menengah dan guru-guru yang terlatih. Walaupun demikian, memang masih ada lagi sungutan ibubapa yang tertentu. Umpamanya, masalah buku teks yang lambat sampai di luar bandar terutama di sekolah rendah. Bangunan-bangunan sekolah rendah sementara yang dibuat oleh rakyat sendiri secara bergotong royong termasuk rumah guru, rumah kediaman murid dan seperti bangku-meja terdapat di kawasan saya. Apa yang kami harapkan supaya pihak yang berkenaan mengambil perhatian dan memberi keutamaan menggantikan bangunan seperti itu dengan bangunan yang baru, lengkap dengan alat perkakasnya. Baru-baru ini salah seorang Timbalan Menteri Pelajaran melawat di banyak daerah luar bandar di Sarawak dan mengumumkan bantuan Kerajaan untuk membina beberapa buah sekolah menengah dalam tempoh Rancangan yang berjalan sekarang. Ini adalah satu perkara yang lama ditunggu dan dicita-citakan oleh rakyat. Kami berharap semoga pelaksanaan projek itu akan siap sebelum habis tempoh masa Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang dimaksudkan itu. Pada masa ini masih terdapat lagi sekolah rendah bangunan sementara yang dibuat oleh rakyat secara gotong royong dua-tiga tahun sudah dengan menggunakan atap daun dan dinding kulit kayu bertiang anak-anak kayu lapuk dan berlantai tanah begitu sahaja serta dengan keadaan bangku meja yang sukar untuk dikatakan dalam Dewan yang mulia ini, belum begitu mendapat perhatian pihak yang berkenaan. Oleh keadaan yang sangat mendesak, saya berharap kepada Kementerian ini memberi keutamaan kepada bangunan sekolah dan rumah guru-guru seperti itu supaya dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang berjalan sekarang ini.

Mengenai bantuan sebanyak \$10,000 oleh Kerajaan yang diberitahu oleh Timbalan Menteri Pelajaran semasa melawat sekolah rendah berkenaan baru-baru ini adalah tidak dapat mengatasi masalah seperti yang diterangkan walaupun rakyat sanggup bekerja secara gotong-royong. Apa yang dapat dibelanjakan dengan wang sebanyak \$10,000

itu ialah untuk menggantikan atap daun dan dinding kulit kayu dan tiang dari anak-anak kayu lapuk yang semuanya telah buruk itu dengan atap zing, dinding papan serta juga dapat mengganti tiang bangunan seperti itu dengan kayu yang lebih tegap lagi sebagai bangunan sementara juga. Apa yang kami harap kepada pihak berkenaan sementara menunggu bangunan baru satu-dua tahun lagi boleh juga dipakai bangunan sementara seperti itu. Saya berharap di dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga yang telah sampai masanya sekarang ini maka segala bangunan sementara sekolah rendah dan rumah kediaman guru yang saya sebut itu dan lain-lain lagi hendaklah disenaraikan lebih awal supaya tidak terlupa atau ketinggalan. Anggaran ongkos membuat bangunan sekolah rendah dan bangunan sekolah menengah di negeri Sarawak adalah kebanyakan dibuat daripada kayu-kayu. Harga kayu-kayu terutama kayu belian hari ini telah melambung naik daripada masa dua-tiga tahun sudah. Oleh itu, apabila membuat peruntukan biarlah sesuai dengan harga dan masa yang tertentu. Di Sarawak apa yang saya telah difahamkan banyak rumah untuk kediaman kakitangan awam tidak dapat hendak dibuat sekarang walaupun peruntukan telah diluluskan dan tender telah dikeluarkan oleh kerana tawaran yang dibuat oleh kontraktor atau pemborong adalah jauh lebih tinggi daripada peruntukan yang ada. Oleh kerana keadaannya begini juga adalah sangat mendukacitakan. Oleh itu, sekali lagi saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengatasi kelemahan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada penuntut-penuntut lepasan daripada Instituti Teknologi MARA pula yang telah mendapat diploma. Mereka itu sekarang sukar untuk mendapat pekerjaan seperti apa yang telah difahamkan, walaupun pekerjaan atau jawatan yang mereka pohon itu berkehendakkan kelulusan diploma tertentu oleh kerana Kerajaan Negeri yang berkenaan itu tidak mengiktiraf diploma mereka. Dengan hal yang demikian, saya minta Kementerian ini memberikan perhatian kepada untung nasib penuntut-penuntut lepasan dari ITM seperti yang saya sebutkan itu supaya semua Kerajaan Negeri mengiktirafkan kelulusan diploma dari ITM sebagai satu diploma setanding dan sehaluan dengan diploma daripada negara lain.

Mengenai masaalah murid-murid Junior MARA Science College pula, saya berharap supaya dapat dilonggarkan sedikit peraturannya bagi membolehkan murid-murid dari Sarawak yang mendapat Gred 3A atau 4A diberi peluang menuntun di situ tidak seperti yang ditetapkan sekarang 5A. Oleh kerana kami di Sarawak tinggal di belakang selama 10 tahun di bidang pelajaran.

Berkenaan dengan Federal Minor Scholarship pula, saya berharap bersungguh-sungguh kepada Kementerian ini memberi lebih banyak lagi kepada sekolah menengah dan rendah di negeri Sarawak bagi membantu murid-murid yang miskin terutama di luar bandar. Dan saya merayu supaya semua sekolah rendah dan menengah Kerajaan di Sarawak dimasukkan dalam masa Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga diberi berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum sekarang ramai juga guru-guru agama yang terlatih telah dihantar ke negeri Sarawak untuk bertugas di sekolah rendah dan menengah Kerajaan serta sekolah yang dibantu oleh Kerajaan. Sungguhpun demikian, masih banyak lagi dikehendaki untuk berkhidmat di sekolah-sekolah rendah seperti di kawasan saya dan saya berharap Kementerian ini dapat menghantar guru-guru agama dari Semenanjung dengan seberapa segera yang boleh. Sekarang keadaan ibubapa murid-murid berkehendakan sangat anak-anak mereka mendapat pelajaran dan didikan agama bagi melindungi anak-anak mereka dipengaruhi oleh berbagai perkara yang tidak diinginkan seperti dadah dan sebagainya serta dapat juga diperkuatkan lagi akhlak dalam masyarakat baharu. Kami di Sarawak sangat sukacita apabila diketahui iaitu Kampus Tetap Cawangan Universiti Pertanian Malaysia akan diadakan di negeri Sarawak. Ini adalah menjadi bukti kepada kami iaitu Kerajaan Pusat memenuhi keperluan dan menjamin kemajuan serta kebajikan rakyat negeri Sarawak terutama jenerasi muda ke arah yang lebih baik dan sempurna untuk menyediakan tenaga terlatih dalam semua aspek perusahaan pertanian dalam ertikata yang sebenarnya, iaitu negara kita ini adalah sebuah negara pertanian.

Ingin saya mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya menambahkan lagi kelas perpaduan dan kelas ekonomi rumah-

tangga di kawasan luar bandar di negeri Sarawak terutama di daerah Mukah dan Dalat. Nampaknya sekarang ini kelas tersebut mendapat sambutan baik daripada kaum ibu di luar bandar, oleh kerana di masa muda mereka tidak berpeluang duduk di bangku sekolah. Begitu juga Taman Didikan Kanak-kanak telah menjadi tumpuan dan perhatian ibubapa untuk mendidik anak-anak sebelum memasuki ke sekolah rendah. Diharaplah pihak yang berkenaan dapat mengadakan bangunan khas di semua peringkat daerah di seluruh Sarawak sebagai Taman Didikan Kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula, sebagai satu Kementerian yang mempunyai tanggungjawab yang berat bagi melaksanakan dasar untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara dari anasir-anasir jahat dan khianat yang disifatkan sebagai musuh negara. Di negeri Sarawak di bidang keselamatan adalah bertambah baik dan terkawal atas kerjasama rakyat di negeri itu dengan Pasukan Keselamatan bagi menghapuskan komunis bersenjata dan anasir-anasir subversif. Walaupun demikian, kami berharap pihak yang berkenaan mengambil perhatian berat kepada mereka yang telah menyerah diri dan bekas-bekas tahanan menjelangnya masa pilihanraya umum yang akan datang supaya mereka itu tidak menghasut rakyat menentang dasar Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang. Dan saya yakin dan percaya kepada kakitangan Pasukan Keselamatan di negeri Sarawak menjalankan tugasnya yang baik dan terpuji selama ini mengambil perhatian kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab bagi merusakkan perpaduan di kalangan rakyat dan menimbulkan perkara-perkara yang tidak sihat yang berkaitan dengan kesejahteraan dan keselamatan negara keseluruhannya.

Menyentuh Kementerian Pertanian yang mempunyai dasar tertentu bagi memperbaiki mutu dan menambah hasil-hasil pertanian bagi keperluan negara serta mengubah taraf hidup rakyat, kaum tani, nelayan, pekebun kecil yang miskin yang terbesar bilangannya daripada rakyat negara ini ke arah hidup yang lebih baik dan sempurna lagi. Bagi kami rakyat negeri Sarawak hasil pertanian adalah menjadi harapan rakyat yang mundur dan miskin di luar bandar terutama bumiputra di negeri itu termasuk

juga kaum-kaum nelayan sejak dari datuk nenek mereka sebagai nelayan sampailah hari ini masih lagi di dalam keadaan yang mendukacitakan. Perkara seperti ini memang pernah kedengaran di dalam Dewan yang mulia ini berulang-ulang pada tiap-tiap tahun disuarakan oleh kami sebagai wakil yang dipilih oleh rakyat untuk mendapat perhatian dan pertimbangan pihak yang bertanggungjawab supaya pihak yang bertanggungjawab dapat mencari satu jalan dan ikhtiar untuk meninggikan taraf hidup petani, nelayan dan pekebun kecil yang miskin dan menderita supaya dapat hidup setanding dengan taraf hidup pekerja-pekerja lain yang lebih maju.

Begitu juga mengenai dengan harga pasaran hasil pertanian yang diekspot ke luar negeri, umpamanya lada hitam dan tepong sagu dari Sarawak supaya dapat harga yang berpatutan khususnya harga tepong sagu selama 20 tahun sudah boleh dikatakan tidak berubah harga hingga sekarang iaitu antara \$9 atau \$10 satu pikul. Saya yakin Kementerian yang bertanggungjawab ini dapat mewujudkan supaya keadaan ekonomi dan sosial pertanian dan nelayan yang miskin di negara kita ini khususnya di Sarawak dapat diperbaiki dalam masa jangka yang tertentu supaya hasil pertanian di Sarawak tidak berbeza sangat harganya dengan Semenanjung ini yang menjadi bahan eksport negara.

Menyentuh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah seperti yang disebut di Sarawak dengan nama ringkas FELCRA dapat diperluaskan lagi tugas-tugasnya ke merata tempat yang telah ada hubungan jalanraya seperti di Ulu Mukah dan Balingian bagi menentukan banyak tanah kosong yang dipunyai oleh rakyat tidak ada memberi hasil dan faedah supaya dapat diusahakan mengikut keadaan yang lebih sesuai di bidang pertanian serta memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi rakyat yang bergantung kepada tanah untuk mendapat pendapatan yang memuaskan.

Baharu-baharu ini saya diberi tahu oleh kebanyakan rakyat rumah panjang dalam kawasan saya untuk mendapat tahu tugas-tugas Lembaga ini bagi pemulihan dan penyatuan tanah bagi perlaksanaan polisinya. Saya berharap pihak Lembaga ini dapat menerangkan dengan lebih luas lagi

tugas-tugas dan tanggungjawab serta objektif Lembaga yang berkenaan kepada rakyat di tempat yang saya terangkan itu.

Menyentuh Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam pula. Bagi negeri Sarawak Kementerian Kerja Raya memang telah sedia ada, walaupun demikian peuntukan adalah dikhaskan oleh Kerajaan Pusat. Jika saya tidak silap dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Sarawak mendapat \$150 juta untuk pembinaan jalan-jalanraya baru dan memperbaiki lain-lain jalanraya besar dan pembinaan jalan-jalan, pembangunan dan dibahagi juga bekalan air, bangunan-bangunan dan lain-lain lagi ada dikhaskan oleh Kerajaan Pusat kepada Negeri Sarawak peruntukan yang tertentu. Oleh kerana di Negeri Sarawak telah ada satu Kementerian Kerja Raya, maka Kementerian Kerja Raya Pusat tidak begitu bertanggungjawab atas segala urusan dan tugas bagi melaksanakan projek-projek yang tertentu.

Mengikut apa yang saya telah ketahui sepatutnya projek-projek seperti jalanraya, kampung dan jambatan yang telah disokong oleh Majlis Tindakan Daerah dan bahagian yang berkenaan untuk dimasukkan dalam senarai tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Apa yang saya diberi tahu tidak ada ternampak dalam senarai-senarai masa tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Ini amat mendukacitakan. Ada pula seperti projek jalan di tempat yang tertentu dibuat sedikit sahaja di situ pada pohon jalan itu sahaja, oleh kerana untuk mengambil nama kampung itu, tetapi di hujungnya menyimpang ke tempat dan kampung-kampung adalah dalam kawasan orang lain tetapi yang mendapat faedah bukan kampung yang berkenaan ini. Inilah satu-satu cara yang patut diambil perhatian oleh Kementerian dan Kerajaan Pusat supaya mana-mana Kementerian atau Jabatan dalam bidang kuasa Negeri yang mendapat peruntukan cara langsung daripada Kerajaan Pusat diberi perhatian supaya amalan yang tidak sihat tidak akan berlaku. Dan ada kala seperti projek jalan yang dipohon sambil lewa sahaja mendapat \$30 hingga \$40 ribu sedangkan jalan kampung yang dipinta dua tiga kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bertahun-tahun sehingga sampai sekarang ini belum

mendapat apa-apa kelulusan untuk peruntukan bagi membuat jalan itu. Adalah diharap pihak yang berkenaan mengambil perhatian atas perkara yang seperti ini.

Mengenai Kementerian Kesihatan di Negeri Sarawak di bidang perkembangan kesihatan bolehlah dikatakan adalah memuaskan di kawasan luar bandar seperti perkhidmatan klinik desa, dispensari bergerak, dispensari kecil dan pasukan bergerak di kampung-kampung dan rumah panjang serta lawatan perkhidmatan doktor terbang.

Walaupun demikian, masih ada lagi yang menjadi sungutan rakyat disebabkan negeri Sarawak itu kawasannya besar dan rakyatnya bertaburan di sana sini, semuanya memerlukan perubatan, lebih-lebih lagi rakyat luar bandar yang miskin selalu terkena sakit bermacam-macam disebabkan keadaan di sekelilingnya adalah tidak memuaskan. Walaupun demikian atas bantuan Kementerian ini seperti memberi bekalan air minum dan tandas, maka perubahan telah berubah dari masa-masa yang lampau.

Apa yang menjadi perhatian saya atas beberapa tahun sudah atas rayuan rakyat untuk mendapatkan sebuah Hospital Daerah Dalat. Sekarang daerah ini sukar untuk mendapat rawatan doktor, melainkan terpaksa pergi empat atau lima jam dengan jalan yang sukar ke Mukah dan Sibul untuk mendapat rawatan doktor. Oleh itu sekali lagi saya merayu supaya Hospital Daerah Dalat dimasukkan dalam Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Baru-baru ini timbul sungutan rakyat di kawasan saya untuk mendapatkan Kereta Ambulan Hospital Daerah Mukah untuk membawa orang-orang sakit ke hospital dan menghantar orang yang telah meninggal dunia ke wharf yang tidak lebih dari dua batu dari hospital itu sehingga terpaksa pihak polis dan pihak Pejabat Daerah membantu rakyat yang malang itu atas alasan daripada hospital tiada pemandu dan lepas jam bertugas. Saya harap Kementerian ini mengambil perhatian. Masaalah sakit tidaklah dapat menentukan jam samada siang mahupun malam. Begitu juga mati, walau manusia mana sekali pun memang tidak mahu mati.

Saya yakin pihak Kementerian ini ber-setuju dengan saya bagi menjaga nama baik Kementerian supaya kereta ambulan di rumah sakit di mana-mana adalah sebagai kereta rakyat yang boleh digunakan untuk keperluan rakyat membawa dan menghantar pesakit terutama di daerah yang sukar untuk mendapat kenderaan seperti itu. Jika peruntukan tidak mencukupi untuk membeli ambulan dan membayar gaji pemandu, silalah buat peruntukan, bentangkan ke dalam Dewan yang mulia ini, saya percaya kami sebagai Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat daripada semua parti manapun sedia menyokongnya.

5.06 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Star): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian mengenai Titah di-Raja yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Amatlah gembira rasanya mendengar di dalam Titah di-Raja itu, bahawa ekonomi negara kita telah kian bertambah baik dengan pesatnya, akibat kehendak dunia kepada pengeluaran-pengeluaran perdagangan seperti getah, minyak kelapa sawit, koko dan kayu-kayan. Kehendak yang menggalakkan ini dan harga yang tetap untuk barangan-barangan pengeluaran kita telah meningkatkan simpanan luar kita. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada dasar-dasar perdagangan kita dengan setengah-setengah negara-negara yang maju yang hendaklah disemakan semula akibat dari langkah-langkah yang memperbataskan dan kelakuan tiada mahu bekerjasama oleh negara-negara itu. Dengan ini saya maksudkan negara-negara di dalam Kawasan Pasifik iaitu Australia, New Zealand dan Britain.

Australia dan New Zealand, kita semua sedar bahawa kepada negara Malaysia sahaja, tiada ambil kira kawasan ASEAN, Australia mengeksportkan lebih daripada \$190 juta ringgit harga barangan bagi tahun 1977, tetapi sebaliknya Australia cuma mengimpotkan lebih kurang \$90 juta ringgit harga barangan maka dengan ini berlebihan perdagangan bagi pihak Australia ialah \$100 juta ringgit pada tahun sudah; walaupun demikian keadaannya, tetapi di dalam persidangan kawasan Komanwel yang telah diadakan baru-baru ini di Sydney di mana

perkara perdagangan kawasan mempengaruhi persidangan tersebut ianya tiada mendatangkan apa-apa hasil langsung selain daripada Kerajaan Australia bersetuju mengemukakan kebaktian mewujudkan Wang 'Am iaitu suatu tapak kecil ke hadapan dengan memberi persetujuan kepada peri mustahaknya akan saluran Kewangan Kerajaan secara langsung tetapi soal pokok untuk memperbaiki perdagangan kawasan telah diabaikan sama sekali.

Sesungguhnya walaupun dua belas orang Ketua-ketua Kerajaan Kawasan Komanwel Asia-Pasifik telah berada di bawah satu bumbung, tetapi orang yang beruntung di dalam persidangan ini ialah Perdana Menteri Australia sendiri kerana inilah pertama kali beliau memasuki gelanggang politik. Pihak Kerajaan Australia masih berpegang teguh kepada amalan dasar tarif sekarang ini dan tiada mahu mengendurkan sekatan-sekatan perdagangan ke atas barangan-barangan Malaysia.

Adalah diakui bahawa baru-baru ini Kerajaan Australia telah menghebahkan suatu perlonggaran sebagai syarat sahaja atas tiga jenis sepatu dan pakaian-pakaian daripada negara-negara ASEAN. Maka dua buah Syarikat Malaysia mendapat faedah daripada kelonggaran ini iaitu Milford Products, suatu loji di Malaysia dengan modal Australia bersama untuk memperbuat kemeja-kemeja bagi pasaran di Australia. Suatu peruntukan sebanyak 60,000 kemeja daripada peruntukan sebanyak 380,000 kemeja yang dapat disediakan dan lagi satu syarikat modal bersama Australia, Marco shoes, telah diperuntukkan quota sebanyak 600,000 hingga 700,000 pasang sepatu daripada pengeluaran tahunan sebanyak 3 juta pasang. Ini cuma sebesar biji kacang sahaja berbanding dengan lain-lain negara yang maju seperti Amerika dan Eropah yang membenarkan perkembangan kadar sebanyak 6.25% bagi kain-kain dan barangan kulit. Tetapi bagi Kerajaan New Zealand, Perdana Menteri mengabaikan sama sekali perkara ini dengan tidak menghadiri perbincangan ini.

Jika Kerajaan-kerajaan Australia dan New Zealand berteguh untuk melaksanakan dasar-dasar tarif seperti itu dan enggan menyedari peri mustahaknya mewujudkan perhubungan saling mengerti dengan negara kita khususnya dan dengan negara-negara

ASEAN pada amnya di mana rakyatnya berjumlah sebanyak 250 juta dan negara-negara ini bukan pula negara-negara Kominis yang bekerjasama untuk meninggikan taraf hidup rakyatnya maka sudah tibalah masanya bagi negara kita bersama-sama dengan negara-negara ASEAN memandang kepada negara-negara lain bagi membeli pengeluaran tenusu dan daging kerana bukan Australia dan New Zealand sahaja di dalam dunia ini yang mengeluarkan daging dan tenusu.

Saya hendak bercakap Masalah Concorde dan Hak Tarif Udara. Tiap-tiap seorang di dalam Dewan ini sedar dan bagi maksud dan tujuan ini, tiap-tiap warga-negara Malaysia tahu bahawa dengan ngenepikan masalah Alam Sekitar tinggalah dua issue yang berkaitan di antara satu sama lain dan masalah Concorde tiadalah dapat diselesaikan jika tiada diberi pertimbangan kepada kira bicara di antara Britain dan Malaysia berkenaan dengan hak lalu-lintas untuk perkhidmatan MAS DC-10. Saya tiada berfikir ada sesiapa di dalam Dewan ini boleh menyalahkan pegawai-pegawai Kementerian yang berunding dengan pegawai-pegawai Inggeris mengenai hak lalu-lintas udara. Anak buah kita di Kementerian telah pergi ke Britain untuk berunding dengan sangkaan bahawa mereka berbicara dengan "Gentlemen Inggeris". Mereka patut sedar bahawa semenjak Takluk Jajahan British (British Empire) diselubungi gerhana sudah tiada lagi "Gentlemen British" atau "Inggeris". Contoh yang baik ialah riwayat Slater-Walker/Haw Par. Apa yang diperkatakan anak muda pintar dari London dan kunci-kuncunya yang sebenarnya ialah pencuri berpakaian eksi. Saya tiada berfikir bahawa Pegawai-pegawai kita merasai segan-segan bahasa hendak mengakui yang mereka sudah terpedaya berkenaan dengan perjanjian lalu-lintas dan bagi diri saya tiada menyalahkan mereka. Kita patut sedari sekarang bahawa kita berkira bicara dengan suatu bangsa terdiri dari pekedai-pekedai, dari itu kita juga mesti mengatur langkah sebagai pedagang. Pendek kata, kita boleh menyatakan dengan terus terang kepada mereka bahawa kami sedang memberi kepada kamu apa yang kamu telah berikan kepada kami, melainkan kamu bersedia untuk menimbang semula kedua-dua issue ini.

Saya tiada berfikir pegawai-pegawai British boleh beriri hati terhadap kita oleh kerana kita hendak melindungi hak negara kita di dalam erti kata "duit ringgit". Dan lagi dapat juga kita menjelaskan kepada mereka bahawa kita tiada boleh diper-anggapkan begitu sahaja dan kita tiada duduk di bawah naungan atau perlindungan payung British.

5.15.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Timbalan Baginda yang begitu menarik dan berkesan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya sebagai wakil dari parti SNAP mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ketua-ketua Barisan Nasional yang berjaya dengan cemerlang dalam pilihanraya di Kelantan baru-baru ini dan dengan kemenangannya saya fikir rakyat di Kelantan berharap Kerajaan Barisan Nasional akan dapat melaksanakan pembangunan-pembangunan semasa melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga dan dengan bertujuan yang baik untuk rakyat khususnya rakyat di kawasan luar bandar di Kelantan.

Kita dapat 24 calon Barisan Nasional dan 23 calon yang telah berjaya dan dengan ini kepercayaan rakyat di Kelantan sudah bertambah penuh dan mencerminkan lebih 90% rakyat di Kelantan telah menyokong Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, dan ketua-ketua Barisan Nasional yang memimpin negara Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada permulaan Titah Ucapan Timbalan Duli Yang Maha Mulia telah menitikberatkan atas usaha-usaha pembangunan negara dan Rancangan Malaysia Ketiga serta perpaduan rakyat antara rakyat yang cinta kepada negara. Saya suka menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini iaitu kepada teknikal pembangunan projek-projek yang telah terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang harus dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya iaitu perlu diadakan pengawasan yang teliti khususnya terhadap modal-modal asing. Kerajaan sepatutnya mem-

besarkan atau menambahkan bilangan pegawai-pegawai iaitu penguatkuasa terutama sekali untuk kawasan-kawasan luar bandar supaya Rancangan Malaysia Ketiga itu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelajaran suka saya menyentuh sedikit kerana pada pendapat saya pelajaran adalah satu perkara yang penting, bukan sahaja untuk mendapat rakyat dan warganegara yang bijak, berguna dan taat setia, bahkan saya percaya menerusi persekolahan dan pelajaran adalah satu daripada asas untuk menjayakan cita-cita suci bagi menyusun masyarakat Malaysia yang padu, adil dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menarik perhatian Kerajaan supaya memandang dengan sungguh-sungguh berat dalam soal pelajaran yang menyebabkan selalu berlaku keadaan-keadaan yang tidak diingini dan mendukacitakan. Saya merayu supaya Kementerian Pelajaran agar dapat memberi penuh perhatian dan usaha kepada kekurangan-kekurangan yang terdapat di sekolah-sekolah luar bandar. Ibubapa-ibubapa dan kanak-kanak tidak boleh disalahkan sekiranya terdapat kekurangan buku-buku teks. Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya sistem cara membeli buku-buku di sekolah untuk kanak-kanak kita terutama sekali murid-murid di luar bandar patutlah dikaji semula supaya buku-buku itu lebih awal didapati misalnya sekolah-sekolah berkehendakkan buku dalam bulan Januari, sepatutnya bulan Disember buku-buku teks itu sudah disediakan. Perkara ini selalu berlaku di sekolah-sekolah luar bandar. Hari ini pun kalau kita pergi ke sekolah-sekolah di luar bandar mungkin masih ada lagi kanak-kanak yang tidak mencukupi buku. Saya berharap bahawa perkara ini akan diambil perhatian yang berat oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga ingin saya menyentuh berkenaan dengan rumah guru-guru di luar bandar khususnya di Sarawak. Perkara ini sudah beberapa kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini dan banyak guru-guru yang mengajar di luar bandar tidak ada rumah dan ada juga separuhnya guru-guru tidak puas hati oleh kerana mereka duduk di rumah yang sudah hampir buruk. Oleh yang demikian, saya sekali lagi merayu kepada Yang Berhormat

Menteri Pelajaran supaya dapat mengambil perhatian yang berat menyelesaikan dan mengatasi masalah kekurangan rumah guru supaya dapat memuaskan hati guru-guru yang mengajar di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong tentang keselamatan di negara ini khasnya di Sarawak; pada pendapat saya walaupun keadaan keselamatan di negara itu telah boleh dikawal akan tetapi jika dibandingkan dengan lebih mendalam saya dapati keadaan keselamatan sebenarnya kurang menyenangkan seluruh rakyat oleh kerana kita dapati negara ini diancam oleh bermacam-macam musuh iaitu komunis dan penjenayah. Kita dapat kejadian merompak mungkin bertambah, mencuri dan pembunuhan adalah berlaku setiap masa. Rakyat selalu mendengar di dalam radio dan membaca surat-khabar tiap-tiap hari dan perkara seperti ini sudah menakutkan rakyat. Jika keadaan ini berterusan maka negara kita akan menghadapi keadaan yang sulit dan ekonomi kita akan rosak disebabkan oleh keselamatan yang tidak terjamin. Saya di sini memohon supaya hal ini dikaji semula dengan sedalam-dalamnya dan usaha-usaha untuk membasmiannya haruslah ditekankan lebih tegas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut saya sebutkan di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah berkenaan dengan belia peladang. Walaupun belia peladang sudah lama dijalankan akan tetapi pada pendapat saya belia peladang di Sarawak belum lagi bergerak, oleh kerana saya dapati belia itu dilatih dengan dua tiga minggu sahaja ataupun sebulan dua sahaja. Ini satu perkara yang tidak boleh melengkapkan belia dengan berbagai-bagai jenis kemahiran yang boleh dipergunakan oleh mereka untuk hidup mencari pekerjaan ataupun untuk perniagaan di masa yang akan datang. Belia kita itu sepatutnya diberi cukup latihan dengan jangka masa yang panjang ataupun mengadakan kursus-kursus mekanik samada mekanik motokar, lori dan sebagainya. Dalam hal ini saya juga berharap Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan patutlah mengambil berat supaya belia peladang di negara ini dapat berjalan

terus dan Kerajaan patutlah memberi bantuan-bantuan samada bantuan wang, bantuan elaun atau alat-alat perkakas dan sebagainya.

Selain daripada itu, belia peladang itu patutlah dihantar melawat ke luar negeri dengan tujuan yang betul untuk mempelajari, melihat dan mengambil contoh-contoh yang baik daripada luar negeri.

Pada masa sekarang saya berpendapat banyak belia di kawasan luar bandar dibiarkan dan tidak ada punca-punca yang menarik orang ramai. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mengambil berat atas kesusahan belia di kawasan luar bandar.

Akhirnya, saya sekali lagi memohon menyokong atas usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

5.19 ptg.

Raja Dato Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Speaker, saya turut bersama menyembah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong ucapan tahniah dan di samping itu menjunjung kasih atas Titah Ucapan Baginda itu masa merasmikan sidang pertama Penggal Keempat Parlimen Keempat pada 20hb Mac, 1978.

Tuan Speaker, Duli Baginda juga menyentuh beberapa perkara termasuk perlunya rakyat mempertahankan kedaulatan undang-undang.

Memang diakui bahawa undang-undang mesti dipatuhi dan tidak sesiapa pun boleh menyalahgunakan undang-undang. Ini termasuk mereka yang mentadbirkan undang-undang.

Undang-undang tidak akan dicurigai atau diperkecil-kecilkan oleh rakyat selagi mereka yang diamanahkan untuk mentadbirkan undang-undang bersikap adil dan saksama.

Pada kaca mata undang-undang perbuatan menerima dan memberi rasuah adalah sama kesalahannya. Jika didapati salah maka orang yang memberi pun serupa bersalah dengan orang yang menerima rasuah. Dari itu apabila undang-undang tidak bersikap tegas memegang dasar ini maka timbul

perasaan tidak percaya kepada pentadbir undang-undang—bukan kepada undang-undang tetapi kepada pentadbir undang-undang.

Perasaan tidak percaya kepada pentadbir undang-undang, Tuan Speaker, janganlah di salah tafsiran mempunyai makna seseorang tidak patuh kepada undang-undang atau tidak menghormati kedaulatan undang-undang.

Pentadbir undang-undang adalah manusia biasa. Dia mempunyai kelemahan dan kadangkala membuat kesalahan-kesalahan sebagaimana yang dilakukan oleh pentadbir-pentadbir yang bertugas di lapangan lain.

Memang pernah kita mendengar pentadbir undang-undang sendiri didapati salah atas tuduhan menyalahgunakan undang-undang untuk kepentingan diri atau untuk membalas dendam. Contohnya, di negara lain seperti di Pakistan, di Amerika dan lain-lain hendaklah dijadikan petunjuk kepada kita di Malaysia.

Tuan Speaker, kedaulatan undang-undang mestilah dilakukan dengan sepenuhnya kalau kita hendak menyakinkan orang ramai mematuhi undang-undang.

Kita berasa dukacita kerana ada tempat-tempat undang-undang itu betul-betul dijalankan; tetapi ada pula tempat-tempat yang tidak dilaksanakan sepenuhnya. Bukti yang nyata ialah bagaimana musuh negara yang dikenakan hukum gantung dalam masa konfrantasi dulu dapat diampunkan.

Satu contoh yang lain, Tuan Speaker, adalah baru-baru ini anak seorang keluarga di raja setelah didapati salah dan dihukumkan di penjara atas tuduhan membunuh telah dapat diampunkan tanpa satu second pun kakinya masuk ke penjara. Tetapi sebelum Datuk Harun membuat rayuan untuk diampunkan, pentadbir undang-undang telah mengatakan bahawa kesalahan Datuk Harun adalah dalam bahasa Inggerisnya "unpardonable crime".

Tuan Speaker, dengan ini maka timbullah perasaan orang ramai curiga kepada pentadbiran undang-undang, tetapi bukan curiga kepada undang-undang.

Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong menyeru rakyat agar semua golongan hendaklah bersama menghayati dan memberi makna kepada Rukunegara. Rukunegara memerlukan kita mengamalkan:

- (1) Kepercayaan kepada Tuhan.
- (2) Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
- (3) Keluhuran Perlembagaan.
- (4) Kedaulatan undang-undang.
- (5) Kesopanan dan kesusilaan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya kelima-lima amalan Rukunegara ini adalah sama pentingnya di mana salah satu daripadanya tidak diamalkan, maka ini bermakna kita tidak memberi kehormatan kepada Rukunegara. Pentadbiran undang-undang juga hendaklah mengamalkan semangat Rukunegara di masa dan waktu menimbang mana satu pegangan Rukunegara yang patut diamalkan apabila seorang berhadapan dengan satu masalah yang sukar orang itu menentukan. Baru-baru ini satu perkara yang telah timbul di mana seorang warganegara Malaysia kerana mengamalkan semangat Rukunegara yang kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara telah didapati salah kerana membelakangkan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat jangan menyebutkan negeri sahabat, beri contoh yang am sahaja, jangan menyebutkan suatu Kerajaan asing.

Raja Dato Nasron bin Raja Ishak: Ini contoh yang am, saya tidak namakan sesiapa telah didapati salah kerana membelakangkan ajaran Rukunegara yang keempat iaitu Kedaulatan Undang-undang, kerana kesetiaan orang yang saya maksudkan ini kepada Raja dan Negara beliau telah menjalankan tugas yang telah ditanggungjawabkan untuk pergi keluar negeri di atas urusan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dengan itu tidak menghadiri diri di mahkamah sebagaimana dikehendaki. Pentadbir undang-undang tanpa memperhitungkan sebab-sebab dan kepentingan lawatan tersebut telah menyalahkan orang itu dan beliau dihukum. Ini telah membawa satu tandatanya yang besar iaitu adakah pentadbiran undang-undang sentiasa benar, sentiasa tidak membuat salah atau pentadbiran undang-undang itu letaknya above the law.

tidak dapat ditanam. Wang untuk membeli beras dan membayar sawah bendang kepada tuan-tuan yang empunya padi tidak dapat dibayar dan wang untuk belanja harian pun tidak ada kerana mereka berharap dengan hasil padi.

Pada waktu Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am melawat Asrama di Sik, Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan yang Kementerianya akan membantu petani-petani yang terlibat dengan bencana ini. Apabila Yang Berhormat Menteri pulang ke Kuala Lumpur, kitalah ditanya di dalam perjumpaan-perjumpaan bila mereka ini akan dapat bantuan ini. Perkara ini dibangkitkan juga dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah kepada Pegawai Kebajikan Daerah itu sendiri tetapi dukacita Pegawai Kebajikan itupun tidak dapat menjawab dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini adalah sedikit kerja untuk mengorek air dan membuat ban. Pihak Jurutera Kerja Raya dan juga Jurutera Parit dan Taliair berpakat hendak mengambil 20 atau 30 orang pekerja. Tetapi yang hendak bekerja adalah 300-400 orang. Jadi bagaimanakah hendak diambil atau hendak dipilih semua orang pekerja ini kerana semua hendak bekerja untuk mendapat sedikit wang untuk belanja nafkah harian. Saya sungguh-sungguh berharap pihak Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan tolonglah atasi perkara ini supaya petani-petani yang ditimpa malapetaka kemarau dapat bantuan. Kasihanilah kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian kepada Kementerian Pelajaran agar pembayaran yuran peperiksaan S.P.M. dan S.T.P. tahun ini dilanjutkan sedikit masanya untuk memberi peluang kepada ibubapa murid-murid yang terlibat dengan kemarau tadi dapat mencari wang untuk membayar wang peperiksaan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara bersangkutan dengan Kementerian ini adalah berkenaan dengan sekolah-sekolah rendah, Sekolah Rendah Kebangsaan Pinang Tunggal, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Division dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Lubok Sequiniah. Bila agaknya hendak didirikan. Ibubapa selalu bertanya perkara ini sebab

lama benar sudah diminta kepada Kementerian ini melalui Jabatan Pelajaran Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan yang dapat menarik pemodal-pemodal dari luar untuk mendirikan kilang-kilang perusahaan di negara kita terutama di Bakar Arang, di Tikam Batu, Sungai Petani. Tetapi sungguh dukacita, sudahlah gaji yang dibayar itu murah, tidak sampai \$3-\$4 diadakan pula shift tambahan iaitu tiap-tiap pekerja dimestikan bekerja dari jam 7.00 malam sehingga 7.00 pagi. Ini dipaksa atau dimestikan. Sungguhpun ada over-time atau elaun tambahan tetapi pada pendapat saya ini adalah perkara yang tidak patut. Saya harap Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat akan bertindak ke atas perkara ini. Giliran 3 shift atau 8 jam kepada tiap-tiap pekerja sudahlah cukup. Shift yang saya katakan tadi dari 7.00 malam ke 7.00 pagi tidak wajar ialah sebab sebagai manusia kita patutlah berfikir bekerja di sesebuah kilang adalah berlainan seperti bekerja di pejabat kerana di pejabat kita bekerja pada waktu siang, tetapi di kilang-kilang kita bekerja pada waktu siang dan malam. Kita mengurus dengan alat-alat jentera atau mesin-mesin yang sentiasa bergerak. Pekerja itu bukan bekerja sambil duduk, dia terpaksa bekerja berdiri, umpamanya di kilang benang. Ianya berdiri menjaga benang-benang di kilang kerana apabila putus sahaja benang-benang hendaklah disambung semula. Jadi, pada pendapat saya bila bekerja pada shift 7.00 malam ke 7.00 pagi katalah pekerja itu mengantuk dan jatuh tersemban di atas mesin tadi, apakan jadi, tentu sekali cedera parah atau membawa maut. Ini patut Kerajaan mengkaji jangalah majikan-majikan ini hendak untung yang sangat berlebihan. Timbanglah pekerja-pekerja sama. Sihat pekerja, sihatlah majikan dan kalau sakit pekerja, akibah buruklah majikan.

Tuan Yang di-Pertua, di segi kesihatan, saya sukalah memohon agar banyak lagi kelinik-kelinik bergerak membawa bersama ubat-ubat suntikan berbagai-bagai penyakit keluar bandar sebab banyak jalan-jalan di luar bandar tidak mempunyai perkhidmatan bas. Jadi, ibu-ibu terpaksa mendokong anak-anak kecil berbatu-batu keluar ke kelinik-klinik, ke poliklinik ataupun ke hospital.

Saya juga meminta agar jururawat ditempatkan di Klinik Kota Kuala Muda. Ini adalah permintaan dari wanita-wanita di situ kerana hanya seorang Hospital Assistant dan Seorang Attendant sahaja telah bertugas. Tambahan pula pada hari Isnin iaitu hari pekansari banyak ibu-ibu, kadang-kadang sampai bilangan ratus ibu-ibu datang ke klinik sambil membeli-belah sambil melawat. Inilah sebab patut ditambah jururawat di Pusat Kesihatan di Kota Kuala Muda.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan saya sungguh merasa gembira kerana banyak aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh belia-belia kita dan bantuan-bantuan untuk mengadakan kursus dan latihan serta memberi banyak peluang kerana untuk membolehkan mereka mencari pekerjaan atau membuat kerja-kerja sendiri. Apa yang membuatkan saya terfikir dan merunsingkan saya ialah di kalangan belia keluaran dari universiti yang mana ada di antara mereka lambat mendapat pekerjaan. Buat sementara waktu ini masalah pengangguran belia yang berkelulusan tinggi tidaklah begitu serius tetapi apa akan jadi di dalam masa liman-eman tahun lagi? Dari itu adakah Kerajaan membuat kajian supaya belia yang berkelulusan tinggi dapat peluang untuk bekerja di dalam jurusan kursus ijazah tertentu misalnya sebagai seorang saintis, tidak berpeluang di dalam professionnya sendiri. Kita tidak mahu belia-belia itu hampa dengan kelulusan mereka. Perkara ini patutlah difikirkan dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Menteri Kerjasama dan Kemudahan-kemudahan Awam berkaitan dengan kemudahan asas. Telah banyak kali diumumkan berkenaan TV berwarna yang akan dilaksanakan pada penghujung tahun ini dan berapa orangkah sahaja yang dapat membeli TV berwarna tadi kerana harganya sangat mahal. Saya ingin menarik perhatian saudara-saudara saya di dalam Dewan yang mulia ini kepada nasib saudara-saudara kita di luar bandar, janganlah dikatakan mereka itu hendak membeli TV berwarna atau melihat TV berwarna, sedangkan TV hitam putihpun mereka itu belum dan melihat di rumah sendiri. Ini adalah kerana ketiadaan bekalan letrik di luar bandar. Di dalam akhbar baru-baru ini Timbalan Menteri Kerja Raya telah pergi ke Alor Setar

dan telah mengumumkan iaitu dalam tahun 1978 ini projek bekalan letrik akan diberi kepada semua sekali bagi daerah Kuala Muda sebanyak 32 projek. Jadi saya rasa sangsi, saya rasa bimbang jika perkara pengumuman melalui akhbar itu tidak diatasi akan bangkitlah pula salah faham kepada pengundi-pengundi kita yang mana sekarang ini demam pilihanraya telah memuncak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah juga meminta kepada Menteri Kerja Raya supaya kemudahan-kemudahan asas iaitu bekalan letrik dan juga air paip patut disegerakan. Di dalam Mid-Term Review, Third Malaysia Plan, diminta ambil perhatian yang berat, bukan sahaja demikian patut juga jalan-jalan luar bandar, jambatan dan juga di dalam bandar sendiri, dan dalam kawasan Majlis Daerah Kerajaan Tempatan sendiri masih tidak ada jalan-jalan yang baik dan juga lampu-lampu yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka memaklumkan kepada Menteri Perdagangan supaya dapat ditambah pegawai-pegawai enforcement untuk menyasiat setiap stesyen minyak kerana kerap kali minyak disel payah didapati, begitu juga dengan minyak tanah.

Akhirnya, saya suka menarik perhatian Kerajaan berkenaan dengan hari kelepasan am bersabit dengan Hari Keputeraan Junjungan Nabi Besar Muhammad s.a.w. kerana ada pihak-pihak majikan tertentu tidak memberikan kelepasan kepada pekerjanya untuk merayakan hari tersebut. Oleh kerana ugama Islam adalah ugama rasmi negara ini tidakkah wajar bagi Kerajaan untuk menambah atau buat tambahan satu hari lagi cuti am kepada hari itu kerana kita hendakkan semua orang yang beragama Islam atau orang-orang Muslim merayakan hari itu.

6.06 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan junjung terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menarik perhatian atas dua tiga perkara sahaja. Pertama ialah mengenai pelajar-pelajar dan graduates di seberang laut termasuk Australia. Baru-baru ini saya terbaca

dalam sebuah akhbar tempatan yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menasihatkan negara Australia supaya tidak membenarkan lagi graduates warganegara ini untuk tinggal menetap di Australia selepas mereka mendapat diploma/ijazah masing-masing. Saya menyokong sepenuhnya syor-syor yang dibuat oleh beliau, tetapi saya berasa khawatir sebab kita tidak boleh nafikan bahawa peluang pekerjaan di negara kita pada masa sekarang adalah sangat sempit atau kurang. Kalau graduates kita di Australia itu terpaksa pulang ke Malaysia selepas mendapat ijazahnya, saya percaya kebanyakan graduates itu akan menghadapi kesulitan atau kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Dengan itu, saya ingin menarik perhatian kepada Kerajaan kita supaya pada masa sekarang adalah perlu membuat atau mengambil langkah yang sewajarnya atau membuat persiapan atas peluang pekerjaan untuk pelajar yang akan pulang ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau langkah ini tidak dibuat saya fikir pelajar-pelajar akan menghadapi frustration dan akibatnya mungkin kebanyakan mereka akan memasuki gerakan yang kurang baik untuk negara kita.

Saya fikir tidak perlu untuk saya menjelaskan dengan panjang lebar apa-apa jalan yang tidak baik yang akan diikuti oleh pelajar-pelajar yang frustrated.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan peluang-peluang pekerjaan. Saya juga dapati bahawa graduates tempatan termasuk juga graduates of bumiputra di dalam kawasan saya sedang menghadapi kesusahan untuk mendapatkan pekerjaan. Ini saya fikir Kerajaan kita perlulah merancang sistem pelajaran kita dengan telitinya untuk masa akan datang, kalau tidak kita akan menghadapi satu keadaan chaotic yang mana kita mempunyai kelebihan graduates tetapi kurang pekerjaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Kementerian Pelajaran, saya juga ingin menyebutkan di sini yang mana saya berharap Pegawai Perancang (Planning Officers) di bawah Kementerian yang berkenaan supaya jangan membuat keputusan di dalam bilik air-condition sahaja. Saya ingin memberikan satu contoh yang mana kita boleh lihat sikap pegawai di Kementerian Pelajaran

yang berkenaan. Di kawasan saya ada banyak Kampung-kampung Baru, ada dua buah kampung baru iaitu Yong Peng dan Kangar Baru. Di Yong Peng penduduk-penduduknya tidak kurang daripada 10,000 orang dan di Tanga Baru 2,000 orang penduduknya tetapi di dalam kedua-dua buah kampung baru ini majoritinya ialah kaum China, di Yong Peng sahaja kalau tidak silap saya tidak kurang 95% dan di Kangar Baru tidak kurang daripada 95% kaum China. Tetapi malangnya di bawah usaha Pegawai Perancang Kementerian Pelajaran yang berkenaan, di kedua-dua buah kampung baru ini kita boleh melihat sekolah rendah kebangsaan yang moden didirikan di tengah-tengah kampung baru yang telah saya sebutkan tadi, tetapi di sebelah bangunan sekolah kebangsaan itu iaitu tidak jauh daripada kedua-dua buah bangunan ini, kita boleh melihat sekolah rendah jenis China yang mana bangunan itu adalah sangat buruk. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini akan menimbulkan perasaan tidak puas hati atau salah faham daripada penduduk kaum China di kedua-dua buah kampung baru yang saya sebutkan tadi. Sebab itu saya sangatlah berharap pihak Kementerian Pelajaran pada masa akan datang akan memahami perasaan kaum China, khususnya di kampung-kampung baru yang mana kedudukan atau keadaan bangunan sekolah khususnya dan kemudahan-kemudahan asas untuk sekolah ini adalah sangat buruk. Kalau kita hanya bergantung pada pertuntukan Wakil Rakyat untuk memajukan keadaan sekolah ini, saya fikir adalah sangat tidak mencukupi. Saya boleh sebutkan di sini yang mana kebanyakan sekolah-sekolah jenis China rendah di kawasan saya hampir roboh. Saya boleh berikan satu contoh iaitu pada tahun lepas yang mana disebabkan angin kuat sebuah sekolah telah runtuh. Walau bagaimanapun di sini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak Kementerian di bawah usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, pihak Kerajaan telah mengeluarkan bantuan modal untuk membaiki atau menggantikan dengan bangunan baharu. Walaupun begitu cakap-cakap yang selalu saya dengar, kalau sekolah rendah jenis China tidak dirobohkan oleh angin kuat atau terbakar memang tidak ada peluang selama-lamanya untuk digantikan bangunan sekolah rendah China khususnya di kawasan kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan latihan jururawat. Pada minggu lepas saya telah dengar bahawa Australian High Commission telah memberitahu kebanyakan pelatih-pelatih jururawat yang potential mulai daripada tahun 1978, Australia tidak akan lagi membenarkan pelajar-pelajar Malaysia memasuki Australia untuk mendapatkan latihan jururawat. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kenyataan ini adalah daripada seorang pegawai di Australian High Commission dan kenyataan ini tidak rasmi tetapi saya minta pihak Australian High Commission yang berkenaan memberikan satu kenyataan yang rasmi, samada kenyataan ini benar atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dengan adanya sikap ini kebanyakan pelajar-pelajar khasnya wanita-wanita di negara kita ini akan menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran di seberang laut. Ini disebabkan di negara kita, saya difahamkan bahawa kebanyakan pelajar wanita kita menghadapi kesusahan untuk mendapatkan tempat-tempat latihan jururawat di hospital-hospital. Kalau pihak Australian High Commission ada regulation yang mana pelajar-pelajar kita tidak boleh pergi ke Australia untuk mendapatkan latihan, saya fikir lebih banyak lagi pelajar-pelajar wanita kita berasa frustrated. Dengan sebab itu saya merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya menambah lagi tempat-tempat latihan jururawat untuk pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir yang hendak saya sentuh ialah berkenaan buah-buah tempatan (local fruits). Walau bagaimanapun ada benar pada prinsipnya langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita ialah untuk menggalakkan rakyat kita untuk memakan lebih banyak lagi buah-buahan tempatan. Tetapi malangnya oleh sebab cukai yang tinggi telah dikenakan (imposed) untuk buah-buah import, ini mengakibatkan bahawa harga buah-buah tempatan telah melambung tinggi yang menyebabkan sebahagian besar rakyat kita iaitu rakyat yang miskin tidak mampu menikmati buah-buah yang ditanam oleh negara kita. Saya telah banyak kali dijumpai oleh penduduk-penduduk di kawasan saya yang mengatakan, bahawa mereka tanam pisang, ciku dan durian tetapi siapa yang membelinya. Kata mereka yang membelinya ialah orang-orang kaya belaka. Harga satu

kati durian sekarang ialah antara \$1.50 hingga \$2. Kalau hendak beli sebiji durian sekurang-kurangnya \$5 atau \$6. Ini betul-betul luxury items.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada FIMA di bawah Kementerian Pertanian yang mana telah menjayakan dua projek kebun-kebum besar untuk buah-buahan tempatan, satu di Kota Tinggi sebanyak 10,000 ekar dan satu lagi saya sudah lupa tempatnya iaitu hampir 100,000 ekar. Tetapi saya fikir ini tidak mencukupi untuk membekalkan buah-buahan tempatan untuk seluruh negara kita supaya merendahkan harga buah-buahan tempatan, harga yang sederhana (reasonable), sebab kita tidak boleh juga lupa bahawa kebanyakan petani-petani kita termasuk smallholders yang mempunyai kebun kecil yang taraf kehidupan mereka banyak bergantung kepada harga-harga buah-buahan tempatan juga. Incentives patut diberikan kepada pihak swasta untuk menggalakkan mereka menanam buah-buahan dengan kebun-kebum besar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong usul junjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

6.25 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyembahkan tahniah dan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Di samping itu saya mengambil peluang untuk menyentuh beberapa perkara yang menarik perhatian saya sepertimana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama saya membentangkan beberapa masalah besar yang sedang dihadapi dalam pentadbiran tanah terutama sekali di peringkat daerah khususnya di Negeri Perak. Tidak kurang pentingnya juga hujah-hujah saya bertujuan mendedahkan beberapa keadaan yang tidak seimbang di segi taraf perjawatan yang ujud di Pejabat Tanah amnya dan juga masaalah lain yang berkait rapat dengan bidang pentadbiran ini. Seterusnya saya akan cuba

menghuraikan beberapa syor dan cadangan untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara-perkara yang dibangkitkan adalah diasaskan kepada keadaan sekarang ini khasnya di negeri Perak. Dalam hubungan ini segala masalah-masalah yang dibangkitkan merupakan gejala-gejala yang dirasakan perlu diperbaiki lagi oleh pihak yang berkuasa di peringkat atasan samada di pihak Kerajaan Negeri ataupun Pusat dan juga perlu ditegaskan di sini bahawa pengertian penggunaan konsep pentadbiran tanah segala tugas dan tanggungjawab yang telah dibebankan dan dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang teknik kajian. Teknik-teknik kajian yang telah digunakan dengan menemuduga pegawai-pegawai dan juga kakitangan-kakitangan di Pejabat-pejabat Tanah dan juga melalui tinjauan atau pandangan daripada orang-orang awam termasuk persara-persara yang pernah berkhidmat dalam bidang pentadbiran tanah. Di sini juga saya dapat menafikan bahawa dari segi teknik iaitu action research bukan cara kajiannya dibuat adalah kurang berkesan, namun ianya dibuat juga atas dasar penuh tanggungjawab dan dengan azam untuk membela satu bidang pentadbiran yang terpenting ini. Selaras dengan kehendak tujuan ini akan membawa Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut perbincangan-perbincangan mengenai beberapa perkara pokok seperti berikut:

1. Pentadbiran tanah—amalan dan konsep perujudan Pejabat Tanah;

2. Perjawatan taraf dan bilangan;
3. Peluang kemajuan perkhidmatan (career development);
4. Masaalah-masalah umum yang lain;
5. Perakuan; dan
6. Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyentuh Pentadbiran Tanah amalan dan konsep perujudan Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara ini amnya diwujudkan semata-mata bagi mengurus segala perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran tanah tidak kira tanah Kerajaan mahupun tanah bermilik. Perkara ini jelas terkandung dalam Kanun Tanah Negara (K.T.N.) yang mana menjadi kitab utama bagi pegawai-pegawai tanah bagi seluruh negeri dan juga beberapa peraturan lain bagi negeri-negeri masing-masing seperti Peraturan-peraturan Tanah Perak, 1966 bagi negeri Perak. Dalam hubungan ini Pejabat-pejabat Tanah di negeri Perak telah disusun dengan rapi sekali dengan tujuan untuk memenuhi kehendak tersebut yakni tiap-tiap Pejabat Tanah dalam negeri Perak system yunit assembling telah dianuti yang mana mengatur supaya tiap-tiap Pejabat Tanah diwujudkan dengan yunit-yunit berikut:

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 hari esok, 23hb Mac, 1978.

Persidangan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.